


Jilid IV
Bil. 7



Hari Selasa
21hb Mei, 1974

MALAYSIA

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 551]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan [Ruangan 570]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 570]

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS [Ruangan 611]

MALAYSIA
PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Selasa, 21hb Mei, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
.. Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
.. Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
.. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
.. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
.. TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
.. TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
.. TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
.. DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
.. TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
.. TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
.. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
.. TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
.. TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
.. DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
.. DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
.. DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
.. TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
.. DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
.. PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
.. AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
.. DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
.. TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
.. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
.. DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
.. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TAN SRI MOHD. NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATUK KHOO SIAK CHEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.J. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

GURU-GURU SEMENTARA
(ON ATTACHMENT)

1. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan guru-guru sementara dari (i) Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (China), (Tamil) dan (Inggeris); dan Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan dan (ii) Sekolah-sekolah Menengah, yang mengikuti kursus di Maktab-maktab Latihan Perguruan di negara ini semasa cuti sekolah penggal ketiga akan datang; dan
- (b) kekurangan guru-guru terlatih di (i) Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China), (Tamil dan Inggeris); dan (ii) Sekolah-sekolah Menengah.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan guru-guru sementara (on attachment) yang akan mengikuti kursus dalam masa cuti di Maktab-maktab Perguruan pada cuti penggal ketiga tahun ini adalah seperti berikut:

(1) Guru-guru Sementara (on attachment) yang mengajar di SRJK (C)	541 orang
(2) Guru-guru Sementara (on attachment) yang mengajar di SRJK (T)	250 orang
(3) Guru-guru Sementara (on attachment) yang mengajar di Sekolah Rendah Kebangsaan	305 orang
(4) Guru-guru Sementara (on attachment) yang mengajar di SRJK (Inggeris)	—
(5) Guru-guru Sementara (on attachment) di Sekolah-sekolah Menengah	250 orang

(b) Kekurangan guru-guru terlatih di:

(i) Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China)	3,188 orang
(ii) Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)	196 orang
(iii) Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris)	1,428 orang
(iv) Sekolah-sekolah Menengah	3,816 orang

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Bilakah Kerajaan bercadang hendak menghapuskan sistem pengambilan guru-guru yang tidak terlatih?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Belum lagi, Tuan Yang di-Pertua, kerana sekarang kita mengikuti Lapuran Aziz.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi kekurangan guru yang begitu banyak jumlahnya?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Inilah satu daripada langkahnya melatih guru-guru dalam masa cuti dan selain daripada itu kita membanyakkan lagi guru-guru pelatih dimasukkan ke dalam maktab-maktab perguruan yang ada sekarang.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Adakah Kerajaan bercadang hendak menambah maktab-maktab perguruan lebih daripada yang ada sekarang bagi menampung kekurangan ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya telahpun membuat kenyataan beberapa kali bahawa kita akan menubuhkan 4 buah maktab perguruan dan satu lagi kita harap selepas daripada persediaan yang 4 buah itu selesai.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Penyakit kekurangan guru bukanlah suatu perkara baharu bahkan telah wujud berbelas-belas tahun, tidakkah satu ikhtiar dapat dicari supaya dapat menghapuskan guru-guru sementara atau guru-guru yang tidak terlatih di sebarang sekolah dalam negara ini terutama di sekolah-sekolah menengah, kerana ini menyebabkan, jika kita amalkan dasar ini akan mengakibatkan kesannya kepada penuntut-penuntut atau murid-murid di dalam negara kita ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Memang itulah hasrat Kementerian Pelajaran dan juga Kerajaan.

Dr Lim Keng Yaik: Bilakah Kerajaan boleh mengadakan suatu maktab khas untuk melatih guru-guru seperti penuntut-penuntut yang belajar sepenuh masa di maktab itu?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Bolehkah Ahli Yang Berhormat itu menyoal sekali lagi?

Dr Lim Keng Yaik: Bolehkah Kerajaan mengadakan sebuah maktab khas untuk melatih guru-guru seperti penuntut-penuntut belajar sepenuh masa?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Maksudnya maktab perguruan?

Dr Lim Keng Yaik: Ya, maktab perguruan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Memang ada.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Cuma hendak menambah lagi 5 buah maktab-maktab perguruan seperti yang ada sekarang di Pulau Pinang, Johor, Selangor dan di beberapa buah Negeri lagi.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan saya ialah penuntut sepenuh masa seperti penuntut-penuntut sekolah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, memang ada maktab perguruan.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Bolehkah Yang Berhormat Menteri membayangkan, di manakah maktab latihan guru yang 5 buah itu akan didirikan di negara kita ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, tempatnya belum lagi dapat diselesaikan.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, ada setengah guru-guru sains yang bekerja tidak sampai setahun sudah berhenti, bekerja di tempat lain, maka dengan kerana itu kita sudah kehilangan guru-guru yang pandai dalam sains. Tidakkah boleh Kerajaan membuat syarat apabila guru-guru itu hendak menjadi guru hendaklah mereka dibuat perjanjian kontrak. Ditetapkan bahawa awak boleh bekerja, tetapi tidak boleh berhenti selama 5 tahun, baharulah kita boleh atasi kekurangan guru-guru.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, guru-guru yang masuk belajar ke universiti dalam bahagian pendidikan, memang ada mengikat kontrak

dengan Kerajaan atau berkhidmat dengan Kerajaan selama 5 tahun. Begitu juga penuntut-penuntut di universiti yang mendapat biasiswa daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri ada juga mengikat kontraknya. Mereka semua terpaksa bekerja selama 5 tahun, tetapi ada juga di antaranya yang sanggup hendak membayar perbelanjaan Kerajaan kerana mereka hendak keluar dan bekerja di lapangan swasta.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri baharu sebentar tadi, kekurangan guru-guru terlatih banyak sangat iaitu lebih daripada 8,000 orang sedangkan on attachment, saya rasa tidak sampai 2,000 orang. Nampaknya kita masih lagi mengekalkan guru-guru sementara daripada latihan yang kita hendak berikan mengikut kepada angka-angka itu. Jadi sampai bilakah agaknya perkara yang seperti ini dapat diatasi?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat hendak pastikan berapa tahun tetapi dengan seberapa cepat yang boleh.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi jaminan kepada Dewan ini akan menimbangkan dengan penubuhan maktab perguruan itu akan diperuntukkan di Pantai Timur sekurang-kurangnya dua buah supaya seimbang institusi-institusi tinggi di negara kita sekarang ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, di Pantai Timur sudahpun ada Maktab Perguruan di Kota Bharu dan satu lagi Pusat Latihan Perguruan Harian di Trengganu dan sebuah lagi akan diadakan di Kuantan.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan tambahan. Mengikut dasar Kerajaan, matlamat Dasar Pelajaran kita ialah menukarkan kesemua sekolah pada satu ketika menjadi sekolah kebangsaan iaitu perubahan daripada sekolah jenis kebangsaan ditukarkan menjadi sekolah kebangsaan. Daripada jawapan yang diberi dalam soalan ini kekurangan guru yang paling ramai ialah guru dalam sekolah-sekolah kebangsaan dan guru dalam sekolah-sekolah jenis kebangsaan China. Guru-guru dalam sekolah-sekolah Inggeris tidak menjadi kekurangan, kerana

barangkali sekolah-sekolah jenis kebangsaan Inggeris ini telahpun ditukarkan kebanyakannya menjadi sekolah kebangsaan. Ini ialah kerana pesatnya penukaran sekolah-sekolah jenis Inggeris menjadi sekolah kebangsaan. Adakah Yang Berhormat Menteri memikirkan kekurangan guru dalam sekolah-sekolah jenis kebangsaan China itu boleh dikurangkan dengan diusahakan penukarannya cepat sedikit untuk menjadikan sekolah-sekolah itu kepada sekolah-sekolah kebangsaan supaya kekurangan guru dalam sekolah jenis kebangsaan China itu boleh berkurangan dari satu masa ke satu masa.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan tidaklah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kalau dibaca Lapuran Razak dan Lapuran Rahman Talib sekolah jenis kebangsaan Inggeris akan dijadikan sekolah kebangsaan dalam tahun 1975, tetapi sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil akan kekal seperti di dalam Lapuran Razak dan Rahman Talib.

BUKU-BUKU TEKS

2. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah buku-buku teks dipinjamkan kepada murid-murid dan tidak diberi percuma kepada mereka; dan samada sistem ini praktik.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, buku-buku teks yang diberi kepada murid-murid diberi secara pinjaman kerana dengan jalan ini dapatlah buku-buku teks yang diberikan itu digunakan pula oleh murid-murid yang lain yang diperlukan buku-buku teks itu di tahun-tahun selepasnya dan ini akan menjimatkan belanja. Sistem ini sedang berjalan dengan memuaskan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Adakah buku-buku teks yang dikeluarkan dan dipinjamkan itu oleh Kementerian Pelajaran atau oleh satu jabatan lain?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini buku-buku teks yang dikeluarkan dan diberi pinjam oleh Kementerian Pelajaran dan juga oleh Jabatan Perdana Menteri dan melalui Jabatan Kebajikan Am yang diberikan oleh

Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing tetapi pada tahun hadapan Kementerian Pelajaran akan melaksanakan satu rancangan jangka panjang. Kita berharap buku-buku teks akan diberi pinjam oleh Kementerian Pelajaran sahaja.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan. Saya suka hendak meminta penerangan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pinjaman buku-buku teks ini (yang sudah lepas itu lepas) adakah akan diberi kepada semua peringkat murid-murid, yakni daripada sekolah rendah hingga ke tingkatan menengah semua sekali, dan adakah pada tiap-tiap sekolah menengah tadi diberi kepada semua murid-murid ataupun ada juga sekatan-sekatannya kepada murid-murid yang tertentu sahaja yakni ada syarat-syaratnya pula atau tidak?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, bantuan ini ialah kepada murid-murid yang miskin sahaja.

Tuan Amaluddin bin Darus: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bagaimanakah Kementerian pada masa akan datang hendak menilai murid-murid yang miskin oleh kerana kemiskinan itu merata sekarang ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, penilaian itu terserah kepada pegawai-pegawai dan guru-guru besar di sekolah masing-masing.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Apakah motif atau objektifnya Jabatan Perdana Menteri mengagihkan buku-buku teks, sedangkan jabatan ini ialah satu jabatan tertinggi yang sepatutnya mengendalikan, bukan mengagihkan buku-buku teks kepada sekolah-sekolah.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, hal ini disebabkan pada masa dahulu peruntukan di Kementerian Pelajaran adalah tidak begitu banyak. Dengan sebab itu melalui Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri pinjaman buku-buku teks ini dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri masing-masing dan daripada Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri pergi kepada Pegawai-pegawai Daerah.

Tuan Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin: Soalan tambahan. Apa yang saya tahu daripada Yang Berhormat Menteri mengatakan peruntukan daripada buku-buku teks ini adalah datang daripada Kementerian Pelajaran, daripada Jabatan Perdana Menteri, daripada peringkat Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Kebajikan Am. Adakah tujuan Kerajaan pada hari ini mengadakan satu jawatankuasa supaya keempat-empat sumber ini disatukan supaya kita dapat menjalankan dengan licin pentadbiran bantuan buku-buku teks ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, satu jawatankuasa sudahpun ditubuhkan berkenaan dengan perkara ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sukatan tentang siapa yang layak dan siapa yang tidak layak mendapat bantuan buku-buku teks ini, adakah pihak Kementerian akan memberi penghargaan kepada sokongan-sokongan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan ini dan juga daripada Dewan Rakyat.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Itu terserah kepada jawatankuasa di tempat masing-masing, tetapi saya percaya surat-surat akuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan juga Dewan Rakyat akan diterima. (*Tepuk*).

Puan Dasimah Dasir: Soalan tambahan. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan anak-anak miskin diserahkan kepada guru adakah guru-guru itu dapat mengatasi anak miskin yang ada di seluruh Malaysia ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Insya Allah, kalau projek ini dilaksanakan dapat diatasi.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi bahawa ada satu jawatankuasa telah dilantik untuk mengkaji siapa yang patut diberi atau tidak buku-buku teks ini. Dari pengalaman kita pada masa yang lepas buku-buku teks ini hampir setengah penggal anak-anak itu belajar belum sampai lagi ke tangan mereka itu dan mungkin sampai hari ini pun ada lagi buku-buku teks itu yang belum sampai. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang

Berhormat Menteri adakah jawatankuasa yang dilantik sekarang boleh menentukan buku-buku teks itu dapat dikeluarkan pada masa anak-anak itu memerlukan buku-buku teks itu?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan kami.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Saya pun mempunyai harapan juga (*Ketawa*) dan setiap orang ibu-bapa mempunyai harapan, tetapi apakah tindakan daripada Yang Berhormat Menteri supaya jangan tinggal harapan sahaja?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawatankuasa yang saya sebutkan tadi bukanlah jawatankuasa untuk menimbang siapa yang miskin dan siapa yang kaya, tetapi jawatankuasa ini sedang merancang satu rancangan bagaimana buku-buku teks ini dapat dibekalkan kepada murid-murid yang tidak mampu ini dengan seberapa cepat yang boleh dan kalau boleh akhir tahun ini insya Allah akan dicuba.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Saya kemukakan soalan saya tadi itu ialah oleh kerana buku-buku teks yang hendak dipakai kepada murid-murid itu dikeluarkan pada saat yang terlalu sempit untuk dicari buku-buku teks itu, seakan-akan ada udang di sebalik batu, pada mengeluarkan nama buku-buku yang hendak dipakai dan oleh kerana itu kelambatan berlaku. Kalau masalah ini tidak diatasi, maka perkara kelambatan ini akan berlaku juga. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri seperti yang kita harapkan supaya jangan ditukarkan buku-buku teks itu saban tahun. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi jaminan kepada Dewan ini atau kepada ibu-bapa bahawa buku-buku teks yang hendak digunakan itu ialah buku teks yang pernah digunakan beberapa tahun yang lalu supaya senang ibu-bapa yang miskin mencarinya atau jawatankuasa ini menyediakannya.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Itulah, Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kementerian ini atau Kerajaan akan menyediakan buku-buku teks untuk anak-anak yang tidak mampu.

Datuk Foo See Moi: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan ada setengah-setengah buku-buku teks itu dipinjamkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan setengah-setengah oleh Kementerian Pelajaran. Saya hendak bertanya adakah tiap-tiap buku itu serupa atau berlainan?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Jabatan Perdana Menteri pada masa-masa yang lampau memberi buku-buku pinjaman kepada murid-murid di sekolah menengah sahaja dan Kementerian Pelajaran ke sekolah-sekolah rendah.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jikalau murid-murid itu hilangkan buku-buku teks itu, apakah tindakan Kerajaan hendak ambil atas perkara itu?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Ini kita serahkan kepada Jawatankuasa Persekutuan Ibupapa/Guru-guru dan Lembaga Sekolah masing-masing menimbangkannya.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan tambahan. Mengikut setahu saya ada beberapa bumiputra mewakili Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengedarkan buku-buku teks ke seluruh negara. Kalau sekiranya Kementerian ini memberi percuma buku-buku teks itu kepada murid-murid, adakah Kementerian ini akan membeli buku-buku teks itu daripada pengedar-pengedar buku-buku teks yang dilantik oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang ada pada hari ini ataupun Kementerian akan mengambil buku-buku teks atau membeli terus daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dan kedai-kedai atau gedung-gedung pengedar itu akan tutup pintu.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dikaji oleh Jawatankuasa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa sebab-sebabnya boleh menjadikan lewat buku-buku teks dikeluarkan menyebabkan kesulitan kepada ibubapa untuk mencari buku. Misalnya, anak saya sampai sekarang pun ada satu buku belum dapat dibeli. Di mana pun tidak dapat dicari lagi buku itu. Dan sebab-sebabnya itu berpunca daripada pengeluar buku, penerbit

buku, bukan daripada penulis buku. Jadi jika Kerajaan sedar apa pandangan Kerajaan terhadap apa yang telah saya syorkan sewaktu saya membahaskan Tiah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda supaya satu badan atau Dewan Bahasa dan Pustaka atau daripada pihak Kementerian sendiri mengambil alih soal mengeluarkan buku supaya buku semuanya sama untuk tiap-tiap 3 tahun sekali kalau perlu ditukar.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapat Yang Berhormat Menteri memberi penerangan sedikit. barangkali perkara ini mungkin tersilap. Dalam masa memberi bantuan serta-merta baru-baru ini sebanyak \$5 juta, sekolah-sekolah menengah di Negeri Trengganu dapatlah dalam \$2.000 sebuah sekolah, ada yang \$1.000 lebih dan sebagainya. Saya dapat banyak sungutan daripada sekolah-sekolah rendah kebangsaan di Trengganu, pada masa diistiharkan pembahagiannya, pihak Jabatan Pelajaran minta kenyataan daripada sekolah-sekolah berapa jumlah murid, berapa jumlah darjah sebagainya. Semua sekolah-sekolah menghantar senarai, ada yang 800 murid, 700 murid, 900 murid, 500 murid dan sebagainya, tetapi bila datang bantuan tiap-tiap sekolah dapat sama rata sebanyak \$10. Bukan \$10 seorang. \$10 pada sebuah sekolah. Masing-masing bertanya apa sebab jadi begini. Saya sendiri tidak dapat beri jawapan. Saya rasa mungkin barangkali kesilapan Pejabat Pelajaran. Kalau silap, apakah tindakan yang telah diambil ataupun yang akan diambil bagi memperbaiki keadaan ini supaya tidaklah setengah-setengah ibubapa itu bila dapat tahu mereka semua mengatakan kalau hendak beri \$10 sebuah sekolah, lebih elok tak usah beri langsung. Apa pun tidak boleh dibuat; kalau \$10 seorang itu lainlah halnya.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan sedikit berkenaan dengan ini. Pada bulan Oktober tahun yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat kenyataan untuk memberi relief allowance bagi menghadapi inflation kepada pekerja-pekerja yang bergaji rendah, maka dalam kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri itu \$40 juta akan disediakan untuk bantuan buku-buku teks. Tetapi wang \$40 juta itu tidak dapat dibelanjakan pada awal tahun baru ini, kerana Kementerian memikirkan patut satu rancangan jangka panjang dirancangan untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan buku-buku teks dan sebagainya yang tiap-tiap tahun ada timbul. Walau bagaimanapun, difikirkan patutlah kita untuk menghormati kenyataan Yang Amat Berhormat itu kita terpaksa membelanjakan sedikit wang daripada \$40 juta itu. Kita telah mengambil sebanyak \$5½ juta pada awal tahun ini, itu pun sudah masuk bulan Februari, yang pada masa itu kita anggap sudahpun banyak budak-budak yang telah menerima bantuan yang melalui bantuan-bantuan biasa yang Kementerian Pelajaran mengadakan \$1½ juta, Jabatan Perdana Menteri juga lebih kurang \$1½ juta dan Kerajaan-kerajaan Negeri pun begitu juga banyaknya. Kita tambah wang \$5½ juta ini diharapkan adalah untuk menampung yang mana belum lagi beli buku-buku teks. Maka peruntukan daripada \$5½ juta diberikan kepada Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri tiap-tiap Negeri. Malangnya, apabila dibuat peruntukan itu, Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri sepatutnya kalau sebuah sekolah itu dapat \$10 jangannya bayar lagi, dan minta kepada Kementerian Pelajaran tambahannya. Apabila Kementerian Pelajaran mengetahui hal ini, maka kami berikhtiar menampung sedikit lagi untuk berian kepada sekolah-sekolah yang dikatakan menerima \$10 ataupun \$15 itu. Wang itu kita harap akan dihantar dengan segera. Pada masa akan datang kita harap sekiranya rancangan jangka panjang ini dilaksanakan perkara ini tidak timbul lagi.

URUSAN KERAJAAN— PENGGUNAAN CAP

3. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan akan membenarkan penggunaan cap "Urusan Kerajaan" dalam semua surat-menyurat di antara sekolah-sekolah dengan Pejabat-pejabat Kerajaan dalam negeri ini.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Wong Seng Chow): Tuan Yang di-Pertua, surat-surat Kerajaan yang diposkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dan Kementerian-kementerian yang khusus mengenai urusan

rasmi adalah dihantar percuma melalui pos. Oleh kerana sekolah-sekolah bukannya Jabatan-jabatan Kerajaan, maka dengan hal yang demikian keistimewaan itu tidaklah boleh diberikan kepadanya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan sekolah-sekolah itu bukan Jabatan Kerajaan. Jadi, dapatlah saya mengakui bahawa sekolah-sekolah ini bukan satu daripada Jabatan-jabatan Kerajaan.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya ada mengatakan sekolah-sekolah bukannya Jabatan-jabatan Kerajaan. Dengan sebab itu tidak boleh diberikan penggunaan cap "Urusan Kerajaan".

Datuk Haii Abdul Razak bin Haji Hussein: Soalan tambahan. Pada masa dahulu sekolah-sekolah adalah disifatkan sebagai Jabatan Kerajaan. Apabila ada perubahan iaitu sekolah-sekolah dikelolakan oleh Lembaga Pengurus dan sebagainya. Pada waktu itu kakitangan Kerajaan seperti guru-guru tidak disifatkan sebagai kakitangan Kerajaan. Pada masa yang akhir-akhir ini guru-guru sudah menjadi kakitangan Kerajaan. Oleh itu, tidakkah sekolah-sekolah itu berhak menggunakan sampul surat "Urusan Kerajaan" itu pada urusan menyelenggarakan sekolah itu.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Pelajaran ada membuat negotiation mengenai perkara ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tidakkah boleh negotiate buat sekarang di antara depan dengan belakang? (*Ketawa*). Mengatakan bahawa ini Jabatan Kerajaan dan boleh digunakan bila ditimbangkan mustahak, sebab tidak jauh antara depan dengan belakang.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di-Pertua, akan dilakukan.

SEKOLAH-SEKOLAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN

4. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan:
- (i) Sekolah-sekolah Kebangsaan;
 - (ii) Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (China);

- (iii) Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil);
- (iv) Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris);
- (v) Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan; dan
- (vi) Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris), dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Bilangan sekolah-sekolah dalam Wilayah Persekutuan adalah seperti yang berikut:

(i) Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan	20 buah
(ii) Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China)	41 "
(iii) Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)	17 "
(iv) Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris)	63 "
(v) Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan	8 "
(vi) Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris)	41 "

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: soalan tambahan. Adakah Kementerian akan membuat Pejabat Pelajaran berasingan daripada Jabatan Pelajaran Negeri Selangor?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini belum berbangkit lagi.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sangsi dengan jawapan Yang Berhormat Menteri. Disebutkan bahawa Sekolah Rendah Kebangsaan 20 buah, Sekolah Jenis Kebangsaan China 41 buah. Sedangkan soal ini minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Sekolah-sekolah Kebangsaan. Pada himat saya ialah di seluruh Malaysia.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Jawapan ini bersangkutan dengan soalan perenggan (vi) Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa perkara hendak mengadakan satu Jabatan Pelajaran Khas kepada Wilayah Persekutuan ini belum sampai waktunya, atau belum

ditimbangan. Tetapi nampaknya Undang-undang menentukan Wilayah Persekutuan ini telah diluluskan, dan ke arah menentukan pentadbiran di dalam Wilayah Persekutuan ini berjalan dengan lancarnya sekarang, tentulah melibatkan juga soal pelajaran. Kalau sekiranya belum lagi disejajarkan atas kehendak-kehendak ini dengan Kementerian Pelajaran pada masa yang akan datang, saya takut perkara ini akan menjadi lebih rumit lagi. Tidakkah Yang Berhormat Menteri bercadang supaya diadakan satu Jabatan Pelajaran Khas bagi Wilayah Persekutuan dalam waktu yang pendek ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Di waktu ini pada himat Kementerian Pelajaran tidaklah lagi difikirkan patut bagi mengadakan Pejabat Pelajaran Khas bagi Wilayah Persekutuan terutamanya bersabit dengan pertukaran guru-guru. Kalau sekiranya ditubuhkan satu Jabatan Khas Wilayah Persekutuan, guru-guru bila hendak bertukar daripada Ibu Kota (hendak keluar) kena juga menghantar permohonannya ke Negeri Selangor. Dan Negeri Selangor pula hendak memanjangkannya ke Ibu Kota. Ini pun banyak kesulitan-kesulitan. Jadi kita sifatkan Ibu Kota ini masih lagi dalam Negeri Selangor bagi lapangan pelajaran supaya senang pertukaran guru-guru kelak. The mobility of teachers is much easier. Izinkan saya bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris. Tetapi ini dalam perhatian. Memang kita mengambil perhatian dari semasa ke semasa, tengok pada keadaannya, kalau perlu, kita boleh adakan Pejabat Khas di Wilayah Persekutuan. Untuk masa ini, saya rasa belum lagi.

MASJID-MASJID DI WILAYAH PERSEKUTUAN

5. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan bilangan masjid-masjid dalam Wilayah Persekutuan.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, dalam Wilayah Persekutuan ini ada 25 buah masjid.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Dalam 25 buah masjid itu berapa orangkah pegawai-pegawai masjid?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Sebagaimana biasa pegawai-pegawai itu terdiri daripada imam, bilal, dan lain-lain.

Pihak Majlis Ugama Wilayah Persekutuan hanya mengawasi masjid-masjid yang tertentu sahaja daripada 25 buah itu bukan semuanya dibiayai oleh Majlis Ugama Wilayah Persekutuan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Adakah menjadi tujuan daripada Jabatan Perdana Menteri atau Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Ibu Kota, supaya masjid-masjid yang ada di sekitar Wilayah Persekutuan ini di bawah satu pentadbiran dan pegawai-pegawainya ialah juga di bawah satu pentadbiran di mana mereka mendapat gaji atau diberi gaji yang sesuai dan kalau mereka itu tidak mendapat latihan akan diberi latihan. Adakah di dalam rancangan Jabatan ini?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Soalan itu ada dalam pertimbangan Majlis Ugama Wilayah Persekutuan.

RUMAH-RUMAH SETINGGAN

6. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ini ke atas rumah-rumah setinggan; dan
- (b) jumlah ekar tanah kosong yang boleh didapati bagi tujuan-tujuan perusahaan dalam Wilayah Persekutuan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Dewan Bandaraya hanya akan mengambil tindakan memindahkan setinggan-setinggan di kawasan-kawasan yang terlibat dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan.

Bagi kawasan-kawasan yang masih belum diperlukan untuk pembangunan, terutama di kawasan-kawasan yang difikirkan yang boleh mendatangkan ancaman kepada orang ramai dari segi kesihatan juga keselamatan, Dewan Bandaraya ada memberi kemudahan-kemudahan asas seperti paip air, jalan-jalan kecil dan seumpamanya.

- (b) Dewan Bandaraya sedang menyediakan pelan induk kegunaan tanah Wilayah Persekutuan. Oleh kerana itu

tidak dapat diberikan jumlah ekar tanah Kerajaan yang boleh digunakan untuk perusahaan sehingga pelan induk ini telah disediakan.

PAJAK GADAI

7. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang mengadakan syarat-syarat mengenakan pekedai pajak gadai menghantar surat peringatan kepada orang-orang yang menggadai empat-belas hari sebelum luput tempoh menebus barang-barang.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya menghargai benar kerana Ahli Yang Berhormat ini mengambil berat terhadap orang-orang yang menggadai barang-barang mereka, saya tidak fikir adil memaksa pekedai-pekedai pajak gadai, menghantar surat-surat ingatan kepada penggadai-penggadai empat-belas hari sebelum berakhir tempoh menebus barang-barang itu. Bagi mereka yang menggadai barang-barangnya jika mereka menghargai barang-barang itu, sudah tentu sekali akan menebusnya sebelum berakhir tempoh itu. Sekiranya mereka itu diingatkan, maka ini bermaknalah yang mereka itu tidak menghargai barang-barang yang digadai itu atau mereka tidak berminat untuk menebuskannya.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita berasa puashati dengan jawapan daripada Menteri yang berkenaan, akan tetapi ingin saya mendapat penjelasan apakah pihak Kerajaan khususnya Wilayah Persekutuan untuk membuat contoh tidak boleh mengambil tanggungjawab pajak gadai, yakni Bandaraya mengadakan beberapa tempat sebagai pajak gadai yang menerima gadaian dan kemudian kalau lalap oleh kerana tidak ada duit hendak menebus, maka terpaksa lalap barang itu. Pihak badan-badan seperti itu melelong kepada orang ramai dan selebih daripada wang yang dipinjam oleh penggadai maka wang itu dikembalikan kepada penggadai asli. Ini memberi contoh yang baik di seluruh negara dimulai daripada Wilayah Persekutuan.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, memang ada peruntukan dalam Undang-undang sekarang iaitu apabila

barang yang digadai kepada pajak gadai lebih daripada \$100 harganya, yang lebih daripada jumlah yang dipinjam oleh penggadai itu mesti dipulang kepada penggadai itu.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Soalan tambahan. Saya ingin memberi satu contoh di sini. Saya ada rantai yang beratnya 5 paun dan harga asalnya \$100. Saya bawa rantai itu ke pajak gadai dan saya minta \$200. Selepas 6 bulan oleh kerana saya terlupa, dua tiga hari selepas tamat tempohnya saya pergi ke pajak gadai katanya tempoh itu sudah habis (*Ketawa*). Katanya iaitu di dalam surat gadaian ada syarat, selepas 6 bulan tempohnya tamat. Saya kenal taukeh kedai pajak gadai itu yang mengatakan bahawa saya boleh dapat balik barang yang digadai itu jika saya membayar bunga lebih satu bulan. Contoh yang saya berikan ini ialah oleh kerana pada masa ini harga emas ialah \$100 sepaun manakala rantai yang saya gadai itu ialah 5 paun berharga \$500, tetapi wang yang diambil dari pajak gadai ialah \$200 sahaja. Orang-orang miskin yang menggadai barang-barang ini bukan pandai membaca dan mereka tidak tahu bilakah tarikh barang itu mati. Di lain-lain negeri saya dapat tahu Kedai Pajak gadai ada menghantar notis selama 14 hari kepada penggadai-penggadai dengan menerangkan tarikh mati barang yang digadai itu. Dengan cara ini pihak penggadai akan tahu tarikh matinya barang yang digadai itu selepas menerima notis. Dalam Malaysia ini orang yang miskin pergi ke sana untuk menggadaikan barang-barang, oleh itu saya minta Yang Berhormat Menteri menimbangkan untuk menjaga orang-orang yang miskin ini. (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini adalah rayuan bukan pertanyaan!

Datuk Ong Kee Hui: Saya fikir saya telah jawab soalan tadi.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Adakah Kerajaan bercadang hendak menghapuskan sistem pajak gadai yakni tidak ada lagi pajak gadai di negara kita ini?

Datuk Ong Kee Hui: Perkara ini sudah ditimbangkan oleh Kerajaan. Oleh kerana Kerajaan memikirkan bahawa kebanyakan

orang-orang miskin di luar bandar hendak menggunakan pajak gadai ini kerana itulah pajak gadai ini dijalankan.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan di dalam Dewan ini bila boleh dietapkan?

Datuk Ong Kee Hui: Saya tidak faham soalan itu.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Saya minta Yang Berhormat Menteri bolehkah memberi jaminan di dalam Dewan ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Memberi jaminan apa?

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Bilakah boleh berunding mengenai dengan undang-undang ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kurang jelas juga!

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Saya minta Yang Berhormat Menteri bolehkah memberi jaminan di dalam Dewan ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jaminan buat apa, Datuk?

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Jaminan undang-undang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Undang-undang apa?

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Undang-undang mengenai 14 hari hendaklah dihantar surat notis.

Datuk Ong Kee Hui: Saya fikir lebih baik saya menjelaskan sekali lagi kepada Yang Berhormat. Ini adalah satu perkara yang sangat rumit sebab penggadai-penggadai ini sangat banyak bilangannya yang kebanyakannya datang dari luar bandar dan tidak ada address yang tertentu. Jika hendak beri notis dua minggu kepada mereka bolehkah atau tidak surat itu sampai kepada tangan mereka di dalam tempoh itu.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, saya minta keterangan. Dalam terjemahan bahasa Inggeris soalan ini mengatakan: "send reminders to the

pawnees"—"pawnees" ini saya kurang faham dalam bahasa Inggeris (*Ketawa*). Ada satu Red Indian tribe namanya Pawnees. (*Ketawa*). Orang yang memajak barang ini ialah pawner dan bukan pawnees.

Tuan Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin: Soalan tambahan. Perbincangan berkenaan surat gadai yang mati tempohnya tidak dapat ditebus. Untuk mengatasi perkara ini, pada pendapat saya supaya sesudah matinya tarikh itu diberi tempoh 3 bulan lagi kepada mereka itu boleh menebus dengan bayaran bunga mengikut peraturan bulan-bulan. Adakah Kerajaan bercadang seperti itu bagi menyelamatkan orang miskin yang menggadai barang itu.

Datuk Ong Kee Hui: Ini satu perkara yang boleh ditimbang.

Datuk Syed Hassan Aidid: Soalan tambahan. Kalaulah sekiranya barang yang harganya \$1,000 tetapi cuma digadaikan setakat \$300 apabila tempoh masanya habis, duit perbezaan itu pergi ke mana?

Datuk Ong Kee Hui: Dalam peruntukan Undang-undang Pajak Gadai, duit yang lebih daripada \$300 itu mesti disimpan oleh pihak gadai itu dan dipulangkan kepada sipenggadai.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Soalan tambahan. Bagaimanakah kepastian dapat dibuat oleh seorang penggadai manakala tempohnya telah habis. Mengikut peraturan pihak pajak gadai akan memulangkan wang yang lebih yang dijual daripada harga asal kepada penggadai. Bagaimanakah pihak Kerajaan dapat tahu benar-benar berjalan sebagaimana yang ada di dalam peraturan itu?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Pegawai Kerajaan sentiasa memeriksa pajak-pajak gadai. Jika timbul perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, tindakan yang sewajarnya akan diambil.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat setelah selesai dipertimbangkan, dan apabila tamat mesyuarat Majlis ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak membangkang, mengikut jadual yang telah ditetapkan kita ada satu hari lagi, mengapa bawa cadangan ini. Samada habis atau tidak terpulangnya kepada Ahli-ahli Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya akan mengemukakan usul ini, dan puan ada peluang buat keputusan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat setelah selesai dipertimbangkan, dan apabila tamat mesyuarat Majlis ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT DAN BANGUNAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbincangan yang ditangguhkan atas masalah: "Bahawa Rancangan Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb Mei, 1974).

Perbincangan disambung semula.

3.20 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau tidak dibawa usul itu hari ini saya fikir boleh habis, sebab saya sendiri pun sudah tidak ada modal bagi hendak menyambung ucapan saya membahaskan Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan semalam. Saya suka bercakap sedikit lagi, iaitu selain daripada syarat-syarat yang saya sebutkan semalam yang boleh memberakan kepada pembina-pembina rumah. Ada banyak lagi syarat-syarat yang saya rasa sepatutnya tidak perlu lagi ada, tetapi oleh kerana syarat-syarat dan peraturan-peraturan itu adalah diambil ataupun diikuti daripada peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang lama yang berasal daripada peraturan zaman penjajah dahulu, kerana belum ada pindaan-pindaan yang muktamad maka masih dipakai. Seumpama perkara-perkara yang pada pendapat saya pada masa ini tidak perlu lagi, iaitu dalam masaalah peraturan pentadbiran dalam pejabat-pejabat untuk meluluskan permohonan-permohonan bangunan ataupun permohonan-permohonan tapak bangunan kerana pembinaan rumah-rumah ini.

Pada masa negara kita sedang membangun ini boleh dikatakan kebanyakan rakyat, terutama sekali barangkali daripada pegawai-pegawai Kerajaan sendiri yang ada mempunyai pendapatan-pendapatan yang lebih baik daripada masa-masa yang telah lalu, ada juga kemungkinan untuk mendirikan rumah masing-masing, hendak membuat rumah samada terdiri di atas tanah-tanah mereka itu sendiri yang dipusakai daripada ibubapa mereka ataupun daripada tanah-tanah yang dibeli dengan secara berkongsi ataupun sebagainya.

Undang-undang Tanah sekarang ini sungguhpun telah diperbaharui iaitu mengikut Kanun Tanah Negara telah disatukan, tetapi pada pendapat saya ada juga setengah-setengah syarat-syarat dalam undang-undang itu yang memberatkan pada setengah-setengah tempat, kerana pada masa dahulu undang-undang ini berlain-lainan di antara satu negeri dengan satu negeri. Saya misalkan di negeri saya Trengganu; boleh dikatakan 3/4 tanah-tanah tempat duduk orang di sana (kita panggil orang kampung walau duduk di dalam bandar. Pada masa dahulu bandar ini pun masih kampung juga kerana bangunan

sedikit sahaja) boleh dikatakan 3/4 tapak-tapak rumah mereka ini ditulis dalam gerannya dengan "kampung". Itu perkataannya. Kalau kita mengikut Undang-undang Kanun Tanah Negara sekarang, disifatkan bila sebut kampung tafsirannya jadi agriculture, yakni untuk pertanian.

Inilah satu perkara yang sangat menyusahkan bagi penduduk-penduduk dalam Negeri Trengganu kerana syarat bila sahaja tanah itu ditafsirkan sebagai tanah pertanian, hendak buat rumah sudah tidak boleh lagi, terpaksa diminta tukarkan syarat (conversion), sedangkan rumah dia itu sudah berpuluh-puluh tahun duduk di dalam tanah itu, tanah satu ekar ada sebuah rumah. Kadang-kadang kerana famili ini sudah berkembang dia hendak dirikan sebuah rumah lagi untuk anaknya yang besar, yang telah bekerja makan gaji dan sebagainya, tetapi mereka tidak boleh mendirikan rumah baru di atas tanah itu kerana tanah kampung disifatkan sebagai tanah agriculture. Bila tanah agriculture tidak boleh didirikan rumah lebih daripada sebuah. Ini peraturannya. Mereka terpaksa memecahkan tanah itu, buat sub-division, dan sebelum dibuat sub-division, terlebih dahulu terpaksa minta tukar syarat (conversion).

Tuan Yang di-Pertua, soal menukar syarat ini sahaja pun kalau di Negeri Trengganu mengambil masa tujuh atau lapan bulan baharu selesai, kadang-kadang sampai setahun. Ini perkara yang berlaku sekarang. Selepas daripada ditukarkan syarat yang mengambil masa begitu lama, meminta permohonan kerana memecahkan lot (sub-division) akan mengambil masa tujuh atau lapan bulan pula, sehingga bila satu-satu usaha yang kita hendak jalankan, niat kita hendak membuat rumah itu mengambil masa bertahun baharu boleh diselesaikan.

Kalau berempat orang hendak berbahagi empat tanah pusaka tadi; masing-masing hendak membuat rumah. Oleh kerana mengambil masa tukar syaratnya (sub-division) hingga sampai lebih daripada setahun, kadang-kadang orang tuanya mati, sudah terus tidak dapat ditukarkan, terpaksa kena ambil kuasa, jadikan estet. Ini perkara-perkara yang sudah berlaku dan sedang berlaku dengan sebab syarat-syarat yang saya fikir tidak perlu dan tidak mustahak, maka perkara-perkara yang seumpama inilah saya harap pada pihak yang berkenaan sentiasa

mencari jalan memikirkan untuk mengatasinya dengan cara membuang mana-mana peraturan ataupun syarat-syarat yang tidak memberi faedah dan yang boleh menyekat kepada kemajuan perkembangan ekonomi di dalam negeri kita ini.

Selain daripada itu berkenaan dengan syarat-syarat membuat bangunan juga dikehendaki sekarang ini ialah, katakanlah, tanah itu kalau di tepi jalan besar, jalanraya. Barisan pertama bolehlah dibuat bangunan rumah kedai, tetapi orang yang di belakang sedikit, yang kedua, dia tidak boleh lagi membuat rumah kedai. Dia hanya membuat rumah duduk sahaja walaupun boleh dibuat jalan masuk dengan luas—40 kaki atau 50 kaki, tetapi Town Planning akan menentukannya. kawasan yang pertama sahaja dibuat kedai, kawasan yang kedua dibuat sebagai dwelling. Maka bila sahaja dibuat syarat yang sedemikian, orang yang tanahnya dalam barisan yang kedua itu akan rugi, kerana perbezaan harga ini sangat banyak di antara shop lot dengan residential—sangat jauh perbezaannya.

Yang kedua, sempadan bangunan pula berlainan. Untuk rumah kedai pula dibuat terus rapat ke sempadan jalanraya, tetapi bangunan residential dikehendaki pula dibuat kalau di hadapan sahaja dikehendaki 20 kaki. Rasa saya tidak menjadi soal kerana dikehendaki halaman, tetapi mengiringnya itu walaupun di tepi jalan juga dikehendaki syarat tinggalkan 10 kaki ataupun 15 kaki mengikut keadaan kehendak yang berkuasa tempatan. Saya rasa syarat-syarat ini juga tidak patut kita kenakan, yakni perkara-perkara yang seumpama ini kita pulangkan sahaja kepada tuan punya apa yang dikehendakinya, sebab masalah untung-rugi itu terpulang kepada dia sendiri. Hanya yang patut dijaga oleh pihak yang berkuasa tempatan ialah susunannya supaya sempurna. Kalau di hadapan itu satu deret biarlah satu deret terus—straight. Jangan kata orang depan dan belakang ini menghodohkan pandangan. Ini sahaja yang patut dijaga dan fesyen-fesyen juga supaya sesuai fesyen bangunan itu. Saya nampak masalah bangunan-bangunan ini terutama dalam bandar Ibukota kita ini sendiri masih banyak lagi rumah-rumah lama yang tidak lagi sesuai untuk tinggal terdiri di tengah-tengah Ibu Kota. Ada setengah-setengah bangunan sampai menyempitkan keadaan jalan-jalan, saya rasa patut kita robohkan

supaya mengelokkan dan menyesuaikan keadaan Bandaraya, Ibukota Persekutuan sekarang ini. Contohnya sebagai panggung wayang Coliseum. Panggung Wayang Coliseum itu sehingga sampai ke tepi jalan, sudah tidak ada kaki limanya, kadang-kadang boleh membahayakan orang-orang yang berjalan kaki dengan sebab kesibokan jalan di situ, maka bangunan yang seumpama ini tidak patut lagi kita biarkan. Adalah menasabah, dengan perkembangan Bandaraya yang begitu pesat, eloklah digantikan dengan bangunan yang baru. Ini juga baik kerana boleh menyambung keadaan perluasan Jalan Tuanku Abdul Rahman yang sekarang ini telahpun dibuat dari punca simpang Bulatan Jalan Ipoh sampai ke Bangunan MARA telahpun diperluaskan. Jadi eloklah usaha-usaha ini diteruskan lagi sehingga habis sepanjang jalan itu sampai ke Jalan Sulaiman, kalau tidak salah, dan di mana bangunan yang didapati tidak sesuai atau yang lama itu sepatutnya diberi tempoh supaya dirobohkan dan dibina dengan bangunan-bangunan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada lagi yang saya hendak cakapkan hanya saya harap pandangan-pandangan yang diberikan akan mendapat perhatian.

3.32 ptg.

Tuan Abdullah bin Datuk Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana dapat peluang bercakap sedikit sebanyak atas Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan dan sukalah saya dengan segala hormatnya memberi tahniah kepada Menteri yang mengemukakan Rang Undang-undang ini, kerana inilah satu undang-undang yang comprehensive yang menyatukan undang-undang yang masih ada yang telah dibuat oleh Negeri-negeri di Persekutuan dan saya perhatikan banyak provision yang baru telah dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini. Dan saya suka menyatakan di sini sungguhpun undang-undang ini akan diluluskan pada hari ini, undang-undang ini semata-mata akan menjadi undang-undang sahaja jika machinery yang hendak menguatkuasakan undang-undang ini tiada begitu kemas.

Setahu kita Majlis-majlis Bandaran, Majlis-majlis Tempatan yang ada pada masa ini tidaklah memberi suatu gambaran

yang memuaskan oleh kerana pada suatu masa dahulu sebelum adanya emergency, kebanyakan Ahli-ahli Majlis-majlis Bandaran kita di Negeri-negeri Persekutuan telah dilantik dan oleh kerana adanya emergency, maka Majlis-majlis Bandaran telah dibekukan (frozen). Majlis-majlis itu pada masa ini kalau kita tengok di Negeri-negeri Persekutuan seperti di Johor telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri, dan saya percaya di Negeri Perak pula ada Majlis Bandaran yang masih ada ahli-ahlinya dilantik pada tahun-tahun dahulu yang masih juga menjalankan kuatkuasanya. Ini ialah satu gambaran yang tidak memuaskan. Kerana pada pandangan saya Majlis-majlis Bandaran (Town Councils) di dalam sesebuah Negeri yang berdasarkan parliamentary democracy, ialah majlis di mana bermulanya ahli-ahli politik kita berlatih dan mendapatkan pengalaman, mula-mulanya di peringkat Bandaran dan dari situ barulah pergi ke peringkat Negeri dan seterusnya ke peringkat Persekutuan.

Yang saya katakan tidak memuaskan urusan-urusan Majlis Bandaran pada hari ini ialah oleh kerana Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengambil alih Majlis-majlis Bandaran dan ini telah menjadikan banyak urusan-urusan Majlis-majlis Bandaran tergendala dan banyak kaينnya lambat meluluskan pelan-pelan bangunan dan juga pelan-pelan yang lain yang berkaitan dengan urusan Majlis Bandaran, dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, saya percaya ini memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Majlis Bandaran dan juga Majlis Tempatan mengambil peluang melambatkan kerja untuk faedah mereka sendiri.

Pada hari ini Menteri dengan sesungguhnya telah membawa Rang Undang-undang ini, tetapi undang-undang ini sebagaimana saya katakan tadi apalah gunanya, jika machinery tidak sebegitu cekap dan pengurusan Majlis-majlis Bandaran tidak sebegitu licin. Dalam bahasa Inggeris dikatakan: putting the cart before the horse. Kita mengadakan undang-undang ini; undang-undang ini akan tersedia di atas meja Pengerusi-pengerusi atau Presiden-presiden Town Councils dan tidak akan, saya percaya, diuruskan dengan sebegitu cekap dan sebegitu tepat.

Yang merunsingkan saya ialah Majlis-majlis Bandaran dan Tempatan ini, saya

percaya, tidak diambil berat oleh Kerajaan Persekutuan. Kerana sungguhpun Kerajaan Persekutuan telah mengadakan Athi Nahappan Commission, dan laporannya itu telah disampaikan kepada Kerajaan Persekutuan, tetapi nampaknya belum lagi Kerajaan Persekutuan mengambil satu keputusan. Adakah Kerajaan Persekutuan berkehendakkan Majlis-majlis Bandaran dan Tempatan itu supaya diuruskan secara perlantikan ataupun pilihanraya diadakan untuk memilih Wakil-wakil Majlis Bandaran ataupun adakah Kerajaan tidak berkehendakkan election dan cuma hendak Majlis Bandaran yang dilantik? Adakah Kerajaan berkehendakkan Majlis yang semata-mata nominated councils? Pada pandangan saya, jika Kerajaan belum lagi sanggup mengadakan system election moleklah kiranya Kerajaan mengadakan satu system by nomination. Yang saya berkehendakkan kalau tidak ada election adakan nomination supaya ada members of the public mengambil bahagian. Izinkan saya bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) It is about time that we have in these town councils either elected or nominated members. I feel it is very important that there should be public participation. The town council collects rates, collects revenues from people who reside within its area and these people should be given a say in the administration of the council. Contohnya, Kerajaan kita belum lagi sampai kepada hadnya seperti di Amerika pada satu masa dalam sejarahnya yang dinamakan Boston Tea Party, kalau tak ada vote, kita tak mahu bayar cukai. Saya percaya kalau kita adakan participation daripada orang ramai, participation by the public, then you bring in some opinions from outside and we won't have Government Officers managing these councils and becoming arbitrary in their decisions because no one is there to tell them that they are not doing things which are in conformity or in response to the requirements of the particular town. Saya tidak percaya Menteri sendiri terlibat dalam perkara ini, tetapi saya percaya Kerajaan Persekutuan telah terlupa adanya Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan. Kerajaan Persekutuan semata-mata sedar adanya Kerajaan Negeri tetapi telah terlupa adanya Majlis Bandaran dan Majlis-majlis Tempatan.

Di Johor sahaja banyak yang telah saya dengar rungutan-rungutan kelambatan meluluskan pelan-pelan dan saya percaya banyak juga perkara-perkara yang dibuat tidak mengikut undang-undang; ini semua tidak dapat diterangkan oleh orang ramai kerana tak ada seorangpun dari luar yang duduk di Majlis-majlis Bandaran dan Tempatan.

Sebelum perang dunia dahulu semasa negeri ini di bawah colonial rule, itupun ada juga Majlis Bandaran dengan ahli-ahli penasihatnya, tetapi pada hari ini sungguhpun colonial system itu kita ikut tak ada juga nominated members. Di Johor, Menteri Besar memegang kuasa, kononnya. Semua perkara pergi kepada Menteri Besar dan diluluskan oleh Menteri Besar sungguhpun ada President, Town Council. Tetapi nampaknya di Negeri Perak ada Town Councilnya dan Presidennya yang dipilih iaitu Datuk Sri S. P. Seenivasagam dan ahli-ahlinya dilantik. Jadi macam kudis di negeri kita ini. Di Johor lain urusan Majlis-majlis Bandarannya, di Perak lain pula coraknya, di Trengganu boleh jadi lain lagi coraknya. Jadi bilakah Menteri yang berkenaan boleh memujuk Kerajaan-kerajaan Negeri supaya melonggarkan sedikit cengkaman Kerajaan-kerajaan Negeri di atas Malis-majlis Bandaran dan mengaturkan pengurusan Majlis-majlis Bandaran ini dengan lebih cekap dan licin lagi. Saya percaya perkara ini tidak boleh dibiarkan selama-lamanya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan. Kelambatan ini melibatkan kehilangan fail, kehilangan surat dan inipun terjadi juga di Negeri Johor di mana saya datang.

Seorang kawan saya menceritakan dia telah membawa sepucuk surat hendak berjumpa dengan Yang di-Pertua Majlis Bandaran, dan sebelum berjumpa dengan Yang di-Pertua Majlis Bandaran itu dia berbual sekejap dengan Setiausaha Majlis Bandaran, dan apabila Yang di-Pertua Majlis Bandaran itu telah lapang masanya untuk menerima kawan saya itu, di bawahlah oleh Setiausahanya masuk berjumpa dengan Yang di-Pertua Majlis Bandaran itu, dan dia terlupa hendak membawa suratnya yang telah tertinggal di atas meja Setiausaha itu. Apabila ditanya oleh Yang di-Pertua itu, "Apakah tuan datang hendak berjumpa saya?", Barulah dia teringat suratnya itu

ada di luar. Apabila dia pergi keluar, hendak mengambil suratnya yang ada di atas meja Setiausaha itu, sudah tidak ada di situ lagi.

Bagi Majlis Bandaran Johor, tidak ada satu perkara yang menghairankan jika satu-dua pelan itu memakan satu-dua tahun baru diluluskan dan surat-surat tidak langsung berjawab. Ini semua penyakit yang saya minta Menteri yang berkenaan mengambil tindakan dengan segera dan menerangkan kepada Menteri-menteri Besar Negeri-negeri yang berkenaan, supaya bekerjasama dengan Menteri mencari jalan supaya disusun semula Majlis-majlis Bandaran ini. Pada fikiran saya boleh jadi Kerajaan Persekutuan pada masa ini tidak sanggup mengadakan elected council. Saya pun pada masa ini bersetuju juga, tetapi saya mintalah diadakan nominated council. Bila ada nominated council, adalah sedikit segan pegawai-pegawai di Majlis Bandaran itu, dan boleh juga nominated members ini memberikan pandangan-pandangan mereka, kalau mereka nampak sampah-sampah di tepi jalan ataupun pegawai-pegawai yang tidak menjalankan kerjanya, bolehlah membawa perkara ini di mesyuarat Majlis tiap-tiap bulan.

Pada masa ini saya percaya pegawai-pegawai Majlis Bandaran itu sudah sepakat. Sungguhpun ada undang-undang "anti-litter", Kerajaan-kerajaan Negeri cuma sibuk pada satu masa dahulu, tetapi pada masa ini sudah tidak mengambil indah lagi. Saya percaya inilah masanya anti-litter law itu dikuatkuasakan dengan sekuat-kuatnya, tidak berlaku sebagaimana keadaan dalam bandar-bandar kita sudah kotor balik kerana banyak air bertakung di parit-parit, dan Kementerian Kesihatan menjerit-jerit menyatakan Aedes, Aedes, Aedes, dan menasihatkan supaya tiap-tiap orang membersihkan parit, membersihkan halaman, membersihkan kedai, membersihkan di mana-mana sahaja ada air dan kekotoran, apakah response yang datang daripada Kerajaan Negeri dan apakah response yang datang daripada Majlis-majlis Tempatan—satu pun tidak.

Di Negeri Johor, incident of Aedes adalah tinggi, satu daripada yang tinggi, tetapi nampaknya negeri-negeri tidak mengambil indah, mereka masih sibuk dengan urusan-urusan lain. Ini satu perkara yang membunuh, Aedes ialah nyamuk yang membunuh kita

dan Undang-undangnya sudah siap ada, cuma untuk dikuatkuasakan, tetapi Undang-undang ini tidak dikuatkuasakan. Dan puncanya ialah oleh kerana belum ada lagi Majlis Bandaran yang begitu effective dan oleh kerana Majlis Bandaran itu belum ada susunan yang bagus boleh menjalankan tugas-tugasnya dengan cekap dan licin.

Kalau kita berbual dengan pegawai-pegawai Majlis Bandaran, Yang di-Pertua Majlis-majlis Bandaran, mereka itu sendiri merasa frustrated, kerana mereka itu ada kuasa, tetapi kuasa itu tidak dapat mereka jalankan oleh kerana sebab-sebab yang tertentu. Ini satu perkara yang Kerajaan Persekutuan tidaklah boleh mendiamkan oleh kerana politik ataupun lain-lain fasal. Ini satu perkara yang Kerajaan Persekutuan mesti mengambil tindakan yang tegas, oleh kerana ini melibatkan kesihatan, kesihatan orang-orang yang duduk di dalam Majlis-majlis Bandaran itu. Kita bolehlah bermain politik, tetapi permainan politik itu mestilah ada hadnya, dan ada masanya yang kita mesti bercakap terus-terang dan mengeneipkan politik oleh kerana faedah rakyat kita. Bila kita bermain politik dan bermain politik itu melibatkan kesihatan rakyat kita, ini saya fikir satu perkara yang amat salah.

Saya tidaklah suka berpanjang lagi kerana nanti saya percaya sebagaimana yang lalu tidak lama lagi saya dapat jawapan dari negeri saya, tetapi saya mintalah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dengan seberapa dayanya menguruskan dan menyusun Mjlis-majlis Bandaran supaya Majlis-majlis itu dapat berjalan dengan licin dan tidaklah nanti kita mendengar seperti kita dengar di Dewan ini kerumitan-kerumitan yang dialami oleh Ahli-ahli Dewan Negara ini, berkaitan majlis-majlis itu.

3.54 ptg.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mengikuti Rang Undang-undang ini dan juga mengikuti ucapan-ucapan yang disampaikan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sejak semalam, ada banyak perkara yang telah ditimbulkan oleh sahabat-sahabat saya yang telah bercakap sebelum saya yang sangat menarik perhatian dan saya percaya akan diberi perhatian sungguh-sungguh oleh pihak Kerajaan.

Saya sukacita hendak menyentuh dalam soal umum terhadap ikhtiar dan usaha Kerajaan dengan mengemukakan Rang Undang-undang ini yang sebentar tadi telah disebut oleh Yang Berhormat yang bercakap sebentar tadi sebagai satu Undang-undang yang comprehensive, yang cukup lengkap akan tetapi yang dikhuatirkan ialah tidak dapat dilaksanakan oleh kerana kekurangan pelaksana-pelaksananya dan oleh kerana beberapa sekatan-sekatan, di antaranya ialah sekatan-sekatan politik.

Apa yang telah berlaku di negara kita dalam soal bandar dan perbandaran, adalah satu hal yang nyata selalu tidak memuaskan dan ini tidak oleh dikesali terhadap perkembangan yang berlaku di Majlis-majlis Tempatan di mana mereka sentiasa kekurangan wang untuk dibelanjakan bagi maksud-maksud mengadakan perubahan atau mengadakan kebaikan di kawasan-kawasan Majlis Tempatan, dan biasanya Majlis-majlis Tempatan yang tidak mampu melaksanakan rancangan memungut hasil sentiasa melupakan dan memejam mata mereka tentang mereka tidak mampu memungut hasil, dan mereka sentiasa menulis kepada negeri minta supaya diperuntukan sekian-sekian wang bagi sesuatu projek.

Sebagai seorang yang bertahun-tahun lamanya di dalam Jawatankuasa Kerajaan Tempatan di Negeri Kelantan, saya banyak mempunyai pengalaman dalam hal rayuan-rayuan, tuntutan-tuntutan ini, dan Kerajaan-kerajaan Negeri juga bukan sahaja Kelantan, berhadapan dengan satu kenyataan yang kedudukan kewangan yang sentiasa deficit menyebabkan tidak tahu hendak berbuat apa-apa untuk menggesa supaya rakyat itu bertanggungjawab, membayar hasil yang membolehkan pihak Majlis Tempatan itu memajukan usaha-usaha yang mendatangkan kebaikan kerana mereka di samping bantuan atau grant daripada pihak Kerajaan Negeri, adalah satu hal yang sukar terutama bagi penduduk-penduduk luarbandar yang belum mempunyai pengalaman yang cukup di dalam bidang perbandaran kerana perkara itu adalah perkara baru yang telah kita kemukakan kepada mereka dan perkara itu sepatutnya telah lama dulu dikemukakan tetapi baru sangat kita kemukakan dengan adanya pilihanraya-pilihanraya semenjak tahun 1960—sebelum itu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini yang menyebabkan kelumpuhan-kelumpuhan dari segi kewangan khususnya ialah disebabkan Majlis Tempatan yang tidak mempunyai bekalan yang cukup dari bantuan Kerajaan Negeri dan tidak diindahkan oleh Kerajaan Persekutuan yang semata-mata mahu melaksanakan rancangan-rancangan demokrasi tetapi tidak memperuntukkan wang yang sungguh-sungguh bagi kemajuan. Maka Kerajaan Negeri menghadapi dengan satu keadaan yang sangat berat bagaimana hendak mengatasi masalah itu. Mahu tidak mahu terpaksa juga datang kepada Kerajaan Persekutuan meminta bantuan. Sebenarnya masalah ini bagi rakyat tempatan seperti telur dengan ayam, mana yang datang dulu. Orang mahu mengetahui apakah telur datang dulu atau ayam datang dulu. Saya menyatakan bahawa ayam itu datang dulu. Dari ayam yang makan kemudian itu baru datang telur, dari telur baru datang ayam. Jadi apabila kita ujudkan Majlis Tempatan, Kerajaan mesti memberi peruntukan-peruntukan yang cukup bagi memajukan kawasan Tempatan sehingga rakyat tempatan mempunyai keyakinan akan kebaikan dan mereka akan merasa mendapat sesuatu yang menguntungkan mereka dan mereka baru diajak berfikir dan ikut bertanggungjawab bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan seterusnya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Dengan kita mengujudkan Kerajaan-kerajaan Tempatan, Majlis-majlis Tempatan dengan tidak peruntukan yang cukup sedangkan rakyat itu belum merasa kebaikannya walaupun kita syarahkan, menyebabkan mereka itu enggan melaksanakan tugas membayar cukai dan sebagainya, sehingga bertapak-tapak cukai-cukai dan ada tempat-tempat yang bertindak merampas kerana mahu mengambil wang-wang cukai dan tindakan itu terpaksa ditekan oleh kerana kepentingan-kepentingan politik.

Tuan Yang di-Pertua, walau sekalipun yang telah berlaku dalam negara kita, saya harap Kerajaan akan bersikap lebih berani dengan tidak mepedulikan soal menang atau tidak menang parti pemerintah dalam sebarang pilihanraya, pilihanraya mesti diadakan dan rakyat mesti diberi tanggungjawab memilih wakil-wakil mereka. Kalau Kerajaan fikir perlu ditambah ahli-ahli yang dilantik (Nominated Members) sebahagian

daripada mereka, boleh juga dibuat pada setengah-setengah tempat, yang demikian memberi tanggungjawab kepada rakyat tetapi apa pun juga kebaikan yang kita harapkan mestilah ada peruntukan wang yang munasabah kerana ini adalah kepentingan kesihatan, kerana ini adalah kepentingan jenerasi dan kebaikan negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan-kelemahan pentadbiran Majlis Bandaraya ini tidak sahaja yang kecil-kecil yang kita katakan tidak ada pengalaman dan tidak mempunyai peruntukan yang cukup dari Kerajaan tetapi kita katakan di bandaraya sendiri misalnya Kampung Datok Keramat, Kuala Lumpur, satu daripada kawasan perumahan baru yang dibuat di Ibu Kota Negara Persekutuan. Satu rancangan mengadakan rumah bagi penduduk yang lebih daripada 20,000 orang. Persediaan jalanraya yang dibuat terlalu kecil menyebabkan jalan yang sebegitu kecil tidak cukup untuk menampung kenderaan-kenderaan, penduduk-penduduk di dalam kawasan itu sendiri. Beberapa kemalangan berlaku di kawasan itu dan sekarang ini lori-lori selain daripada bas-bas yang biasa membawa penumpang, lori M.A.R.A sendiri pun dengan 10 tayarnya, begitu besar badannya, merentas jalan di Datok Keramat kerana masuk ke kawasan itu. Ini semuanya menunjukkan betapa kita tidak mempunyai rancangan yang bersungguh-sungguh ertinya tidak ada persediaan-persediaan perancangan yang sungguh-sungguh yang boleh memandang jauh ke hadapan dalam menghadapi semua masalah yang berbangkit dalam negara kita.

Apabila kita timbulkan masalah hendak meluaskan jalanraya dengan peruntukan-peruntukan yang sudah ada dan kebaikan-kebaikan Rang Undang-undang yang dikemukakan ini timbul masalah beberapa buah rumah-rumah yang terpaksa dirombak kerana kepentingan membesarkan jalanraya. Jika tidak dirombak rumah-rumah itu, tidak akan dapat diambil tanah untuk membesarkan jalanraya ini. Ini tentulah satu hal yang sangat merugikan sama seperti ruginya kita dengan jalan Kuala Lumpur/Petaling Jaya. Misalnya bangunan E.P.F. telah dibina begitu rapat dengan jalan dan jalanraya itu kita rasai betul-betul tidak mencukupi lebarnya dengan 4 lane; 2 di sebelah kiri dan 2 di sebelah kanan yang ada sekarang ini terpaksa diperbesarkan, dan jikalau tidak mahu dibelokkan terpaksa dirombak

Bangunan E.P.F. yang wujud sekarang ini dan ini akan menjadikan kerugian yang cukup besar. Untuk mengelakkannya maka terpaksa dibelokkan jalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dasar pembangunan negara kita dari segi perumahan, saya percaya sedang disiapkan secara perancangan bersungguh-sungguh di negara kita oleh Kementerian yang berkenaan baik yang merupakan bangunan-bangunan kedai di bandar-bandar ataupun yang merupakan kawasan-kawasan perumahan bagi penduduk-penduduk yang makin bertambah dan mempunyai daya pemikiran atau cara berfikir di zaman kita ini.

Banyak kawasan-kawasan perumahan yang telah berjalan, tetapi oleh kerana kelambatan, saya percaya ada kawasan-kawasan perumahan yang dikatakan taman-taman sekarang ini telah dibuat oleh pemaju perumahan dengan tidak menunggu kelulusan lay-outnya sendiri, dia terus membuat rumah kerana dia tidak sabar menunggu, atau mungkin dia hendak berbuat begitu dengan keyakinan walaupun dia buat bagaimanapun tidak ada satu benda akan diambil tindakan terhadap mereka. Ini berlaku di setengah-setengah kawasan perumahan seperti yang saya ketahui lay-outnya belum diluluskan, tetapi kayu-kayu telah dipancang dan bangunan-bangunan telah dibuat dan rumah-rumah itu telah dijual kepada orang ramai.

Ada tanah-tanah di dalam kawasan Bandaraya dalam Wilayah Persekutuan sekarang yang dahulunya bukan bandaraya, bukan Wilayah Persekutuan, tetapi dalam Daerah Kuala Lumpur tanah itu dimiliki oleh orang-orang Melayu sebagai Malay Reservation, dibelinya melalui peguam dengan perjanjian menerusi peguam dan si pembeli yang pertama menjual kepada beberapa orang-orang baru melalui peguam juga dengan tidak menukar title tanah itu sendiri, tidak menukar lot yang hasilnya didapati oleh Kerajaan sendiri iaitu sebanyak kira-kira \$84 setahun atau seluruh luas tanah itu, sekarang ini telah dibangunkan rumah-rumah. Jadi tuan-tuan tanah yang berbeza itu membangunkan rumah-rumah mereka. Maka di hadapan rumah ini ada jalan di hadapan, besar lebarnya, sama dengan lebar peraturan-peraturan biasa bagi lorong belakang (back lane).

Penduduk-penduduk di kawasan perumahan yang seperti ini yang sekarang di dalam Wilayah Persekutuan umumnya mempunyai kenderaan motokar bergerak ke sana ke mari kerana mereka mempunyai kemampuan untuk berbuat begitu. Satu kejadian yang saya difahamkan di satu tempat sesudah diketahui oleh pihak Pejabat Daerah (District Office) pada waktu itu belum Wilayah Persekutuan dan sekarang Wilayah Persekutuan, mereka telah bertindak menahan semua kawasan perumahan di tanah itu tidak diberi air walaupun kawasan di sebelah itu mendapat air daripada Kerajaan Negeri, tetapi rumah-rumah ini tidak mendapat air yang dikatakan ini sebagai satu balasan kepada perbuatan mereka tidak memecahkan lot dan tidak menguntungkan Kerajaan dari hasil Cukai Tanah. Yang anihnya tidak ada co-ordinate di antaranya dengan Jabatan Kerajaan. Jabatan Talikom memberi talipon kepada rumah-rumah di situ. Lembaga Letrik Negara juga memberi bekalan api letrik kepada rumah-rumah di situ yang mereka tidak dapat ialah air. Dengan tidak dapatnya air, mereka terpaksa menggunakan air perigi yang dipam. Air perigi itu ada mempunyai bau. Bila dibubuh di dalam gelas dia turun ke bawah warna merah dan apabila diminum terasa sesuatu yang terpaksa dimasak dan apabila dimasak masih juga berbau. Jadi yang mana lebih penting Kerajaan menahan air sehingga rakyat terpaksa meminum air yang tidak mempunyai nilai atau memberi air dan menghukum mereka kerana melanggar undang-undang di samping itu mencari jalan bagaimana co-ordinasi antara Jabatan-jabatan Kerajaan wujud tidak seperti sekarang ini dia tidak boleh mendapat air. Rumah-rumah di sekitar itu tidak mempunyai air tetapi boleh mempunyai talipon, boleh mempunyai letrik sedangkan asid tidak boleh dimakan atau diminum kalau pun boleh dimakan atau diminum air yang terpaksa diminum air yang saya percaya mengandungi unsur-unsur asid getah kerana berdekatan dengan kilang getah. Ini satu daripada cara yang tidak boleh diselesaikan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan pada hal benda itu baru berlaku malahan beberapa tahun lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan perumahan yang dibangunkan oleh pihak swasta yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan bagaimana

mereka telah mengambil wang pendahuluan dengan advertisement yang dibuat melalui surat-surat khabar, mereka telah memungut ini bukan sahaja badan-badan swasta malah Perbadanan-perbadanan Kerajaan Negeri juga mengambil wang deposit sampai tiga empat tahun dibekukan wang deposit itu yang belum tentu lagi mereka ini mendapat rumah. Pihak-pihak ini menggunakan wang itu yang menguntungkan mereka yang jumlahnya terlalu besar. Bila pihak swasta misalnya, mengadakan perumahan apabila siap rumah, siap jalanraya diasfalkan, akan tetapi padang permainan untuk kanak-kanak, walaupun sudah direzabkan, ada yang sudah 3 tahun sampai sekarang ini belum lagi dibuat padang permainan untuk kanak-kanak itu walaupun tapak itu memang diadakan.

Dalam Rang Undang-undang ini menyatakan misalnya, Kerajaan menjaga sampah-sarap, tetapi Rang Undang-undang ini juga tidak menunjukkan bahasa yang dapat saya faham. Saya tidak tahu kalau ada kamus yang baru dikeluarkan. Misalnya dalam perkara 64 (i) ada menyebutkan, iaitu:

64. (i) Pihakberkuasa tempatan boleh pada bila-bila masa menggunakan sesuatu sistem membuang kumbahan.”

“Kumbahan” ini bahasa baru. Saya fikir saya pun tidak faham perkataan “kumbahan” ini, barangkali satu istilah baru yang dicetak bagi maksud sampah-sarap.

“. bagi sesuatu rumah, tanah, bangunan dan tenaman yang difikirkannya patut dan boleh melevi bayaran-bayaran atau caj-caj sebagaimana yang ditetapkan dan bayaran-bayaran itu hendaklah kena dibayar oleh penduduk premis yang baginya digunakan sistem membuang kumbahan itu.”

Ayat ini keseluruhannya tidak dapat saya pegang, saya tidak dapat faham. Saya fikir barangkali Ketua-ketua Majlis Bandaran pun juga tidak dapat memahaminya kecuali satu kamus baru dikeluarkan untuk mengikuti perkembangan bahasa yang begitu mendadak.

Tuan Yang di-Pertua, badan-badan swasta, misalnya, di satu kawasan perumahan badan swasta di Jalan Gombak dia mengenakan bayaran kepada penduduk-penduduk yang membeli atau menyewa di rumah di kawasan itu \$10 sebulan untuk belanja mengangkat

sampah dan kemudahan api letrik yang diberi kepada kawasan perumahan itu. Di satu kawasan perumahan lain di Jalan Kuching dikenakan \$5 bagi maksud yang sama pada tiap-tiap rumah pada tiap-tiap bulan. Hal yang semacam ini tentulah tidak patut di-biarkan pihak swasta yang satu mengambil \$5 sebulan dan yang satu lagi mengambil \$10 sebulan, dan apatah lagi sekarang ini sudah berapa lama kita masuk dalam Wilayah Persekutuan patutlah pihak berkuasa Persekutuan Ibu Kota mengambil tanggungjawab ini secepat mungkin dalam soal-soal menjaga kebersihan dan sebagainya.

Saya melihat langkah-langkah Kerajaan tidak begitu cepat dalam mengendalikan perkara-perkara yang diluluskan oleh Kerajaan sendiri. Misalnya, di dalam masa kita membahaskan undang-undang mengenai dengan Urban Development Authority (UDA), di dalam undang-undang itu telah dimasukkan bahawasanya semua bangunan-bangunan yang dibangunkan di bawah tahun 1932 mesti dirombak dan diganti baharu. Sudah beberapa tahun kita luluskan undang-undang itu dan UDA telah menjalankan tugasnya, tetapi perlaksanaannya tidak banyak seperti yang diharapkan. Banyak bangunan-bangunan lama yang mengganggu jalanraya, lalu-lintas dan sebagainya, tetapi keadaan itu masih dibiarkan seperti contoh yang diberikan oleh sahabat saya Datuk Mansor tadi iaitu bangunan Panggung Coliseum apakah perintah supaya panggung itu dirombak tidak merupakan kepentingan awam.

Satu lagi contoh bagaimana berlakunya kesesakan yang cukup sebak di simpang Jalan Campbell di mana Panggung Odeon ada di situ. Pada tiap-tiap waktu orang mahu masuk ke panggung wayang dan mahu keluar dari panggung wayang semua terafik itu jam, terutamanya orang dari utara masuk ke Jalan Campbell terpaksa menunggu, sehingga lampu merah menyala lagi orang-orang dari jalan baru itu dan orang dari Jalan Tuanku Abdul Rahman, dari utara semuanya menunggu di tengah-tengah, sebabnya tidak lain kerana kereta-kereta yang mahu masuk ke kawasan perletakan kereta bagi Panggung Odeon. Semuanya ini patut diperhatikan dan tindakan mesti diambil segera oleh pihak Kerajaan supaya tidak berlaku halangan-halangan bagi lalu-lintas di tempat-tempat yang begitu ramai.

Saya rasa jika Kerajaan mahu melancarkan cepat pihak Kerajaan atau badan-badan Kerajaan seperti UDA dan perbadanan-perbadanan, selain daripada membuat sendiri perumahan-perumahan atau bangunan-bangunan, hendaklah digalakkan membuat dengan secara perkongsian yang sungguh-sungguh bangunan-bangunan baru baik perumahan ataupun kedai-kedai. Dalam maksud ini, saya bermaksud membataskan kegiatan swasta bersendirian supaya maksud Kerajaan mahu melihat berlaku satu resettlement di kalangan penduduk-penduduk akan terlaksana dengan sungguh-sungguh, sebab seperti yang telah berlaku kalau satu-satu kawasan perumahan mahu dibuat oleh swasta sahaja biasanya iklan itu lebih dahulu dibagi di dalam surat-surat khabar yang berbahasa kaum itu. Dengan sendirinya golongan-golongan lain tidak mengetahui tentang adanya perumahan-perumahan dan sudah ada satu permintaan atau ada peluang ditawarkan untuk meletakkan deposit atau booking, maka apabila perkara itu disedari, apabila ditanya sudah habis, semua telah dibooked. Saya tidak hendak mengkritik banyak-banyak, tidak mahu membangkitkan sentimen yang boleh merosakkan usaha-usaha perpaduan kita, saya sukacita meminta Kerajaan bersikap agak tegas. Perbadanan-perbadanan Negeri, UDA dari segi nasional, selain daripada usaha mereka yang bersungguh-sungguh secara sendiri membangunkan perumahan dan kedai-kedai, mereka mesti berusaha bersama-sama dengan swasta, dan tidak patut dibiarkan swasta bertindak sendiri yang akan merosakkan matlamat Kerajaan dari segi pengimbangan penduduk di dalam kawasan-kawasan tertentu. Kalau kita biarkan seperti sekarang, walaupun kaedah baru telah diadakan peruntukan 30% untuk bumiputra oleh badan swasta, ini juga tidak menjamin sebab banyak hal-hal yang boleh berlaku, tujuan pembeli ataupun orang yang booking hendak berniaga. Kita dapat melihat, misalnya, dalam surat khabar *Malay Mail* tiap-tiap hari ada House To Let; Land For Sale; Transfer of Booking dan macam-macam lagi. Ada orang booked misalnya, Sungei Wang Plaza, dia menawarkan di dalam *Malay Mail* square feetnya sekian, lebarnya dan besarnya sekian, padahal Sungei Wang Plaza belum dibangunkan lagi, dia hendak jual booking. Jadi dia booked untuk dijual. Ada orang yang rumahnya belum diduduki dia telah advertisement dalam surat khabar bahawa rumah itu akan

disewakan. Hal ini kita boleh temui di dalam *Malay Mail* tiap-tiap hari. Jadi orang-orang yang tidak memerlukan rumah untuk diduduki mendapat rumah, tetapi orang-orang yang mencari rumah untuk dibeli tidak mendapat peluang. Kerajaan harus memikirkan perkara ini dengan serious.

Kalau sistem yang digunakan oleh Kerajaan sekarang ini sistem Kad Pengenalan dengan komputer seperti E.P.F. menggunakan komputer dalam menengok pendaftaran baru, kalau kita hantar pendaftaran nama buruh kita yang baru, pekerja-pekerja yang baru beri Kad Pengenalan, dia akan semak melalui komputer ini dengan sendirinya dia tahu namanya sudah didaftarkan 4 tahun dahulu.

Kalau sistem ini dipakai oleh UDA, Kerajaan atau apa badan juga misalnya, ini dapat dikawal dan tidak perlu di saat ini bagi seorang memiliki lebih satu rumah di saat rakyat memerlukan rumah untuk diduduki di saat Kerajaan sendiri mengharap sebanyak-banyak rakyat memiliki rumah sendiri daripada menyewa. Ini boleh dilaksanakan sebaik-baiknya. Dan kalau Kerajaan boleh bertindak lebih berani, adakan peruntukan wang untuk membeli kembali rumah-rumah yang dibeli oleh orang-orang yang tidak berhajat duduk supaya dapat dibeli oleh orang-orang yang benar-benar berhajat untuk menduduki rumah mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada benda lagi yang saya akan sentuh olei kerana banyak perkara yang saya ingin bercakap telahpun disentuh oleh sahabat-sahabat saya yang telah bercakap semenjak kelmarin sampai hari ini.

Akhirnya saya sukacita hendak menarik perhatian Kerajaan kepada apa yang saya sebut tadi tanggungan lebih besar dari perbadanan-perbadanan dan UDA khususnya di dalam usaha bersendirian dan bersama dengan swasta hendaklah digalakkan sungguh-sungguh supaya dapat dijaga dan dikawal keadaan yang sebenarnya oleh kerana banyak pemaju-pemaju rumah (developers) ini tidak bekerja sendiri. Mereka memberi sub-contract atau kontraktor-kontraktor yang lain dan kontraktor-kontraktor yang dapat itu juga memberi sub-contract—kepada kontraktor-kontraktor kecil dan seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin

kelmarin, kalau kita tengok *Gazette* memang banyak di kalangan orang-orang yang masuk bankruptcy itu ialah kontrektor-kontrektor. Kontrektor-kontrektor ini sukar untuk memenangi tender kalau mereka meletakkan harga yang agak tinggi yang sesuai dengan keuntungan yang diharapkan. Sebab itu mereka mesti berani meletakkan dengan serendah-rendah (the lowest) yang dapat difikirkan untuk mendapat menang tender itu. Dengan memasukkan itu mereka sendiri akan sukar untuk mendapat untung apatah lagi kenaikan harga barang dan kenaikan upah buruh maka berlakulah penipuan. Sedar atau tidak sedar, mahu atau tidak mahu besi 5 hun dijanji patut dipasang kurang jadi 4 hun. Gelas yang patut dipasang bagi cermin yang tebal dikurangkan sedikit. Dari sana dicuri keuntungan.

Jadi kalau sekiranya akitek ataupun engineer yang berkenaan datang memeriksa dan tidak mahu meluluskan maka payment terpaksa ditangguhkan atau diperintah dia buat balik. Inilah sebab-sebab yang membuat mereka itu masuk bankruptcy. Untuk mengelakkan daripada terjadi manusia banyak masuk bankruptcy terutama di kalangan kontrektor walaupun mereka ini banyak terdapat lekas kaya, tetapi lekas pula masuk bankruptcy, maka jalan keluarnya ialah perbadanan-perbadanan Negeri dan UDA mengambil tanggungjawab secara sendiri dan secara berkongsi dengan swasta memperhebatkan pembangunan di bandar-bandar dan di luar-luar bandar besar-besar di dalam soal perumahan dan kedai-kedai bagi kepentingan nasional kita sendiri di mana penyusunan penduduk dapat diatur begitu rupa kalau campurtangan itu langsung dibuat oleh Kerajaan atau separuh Kerajaan. Terima kasih.

4.14 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan pada Rang Undang-undang ini yang pada asasnya nampak oleh saya bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan hendak membetulkan dan hendak memperbaiki planning bandaran pada masa yang akan datang, terutama sekali bagi kawasan Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, tebal sungguh Rang Undang-undang ini, kalau hendak dibacapun cukup tebal dan hendak difahami pun

cukup payah, sebab mungkin agaknya ada beberapa kalimat-kalimat yang baru, seperti sahabat saya Yang Berhormat Tuan Amaluddin Darus sebentar tadi menyebutkan perkara-perkara yang kurang faham. Begitu juga saya banyak perkara-perkara dengan bahasa-bahasa yang tidak begitu faham di dalam Rang Undang-undang ini, tetapi walau bagaimanapun matlamat daripada Rang Undang-undang ini ialah untuk hendak menyusun dan hendak memperbaiki bandaran atau Majlis-majlis Tempatan.

Seperti yang kita ketahui Majlis-majlis Tempatan, terutama sekali Majlis Bandaranya ini merupakan induk dari semua Majlis-majlis Tempatan di seluruh tanahair, dan setelah Wilayah Persekutuan ini mempunyai wilayahnya sendiri, tentulah pada masa yang akan datang dia merupakan contoh bagi Majlis-majlis Tempatan yang kecil-kecil. Saya rasa Wilayah Persekutuan ini patut mempunyai Pelan Induk yang demikian tersusun seperti yang telah diberi jaminan oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan di dalam masa kita soal jawab tadi bahawa Pelan Induk bagi Wilayah Persekutuan ini sedang disediakan, dan mungkin agaknya menyediakan Pelan Induk itu bersesuaian dengan Rang Undang-undang ini supaya tidak timbul pada masa-masa yang akan datang perkara-perkara yang tidak menyenangkan.

Setelah kita lihat perkara yang tidak kita puas hati kemudian kita rombak semula seperti kita lihat di negara-negara yang telah maju, di Amerika misalnya, sistem jalan di dalam negeri-negeri yang maju itu tidak menggunakan sistem round-about seperti kita di sini. Tetapi kita di sini nampaknya masih menggunakan sistem round-about ini di mana selalu mengendalakan perjalanan. Kalau saya tidak salah negara-negara yang maju yang lebih memandang ke hadapan sistem round-about ini tidak lagi digunakan. Dan walau betapa besar bulatan itu sekalipun kalau sampai pada waktu-waktunya jalan itu tidak dapat digunakan. Sebab itu Majlis Tempatan ataupun Wilayah Persekutuan ini khususnya hendaklah memikirkan apakah sistem round-about ini patut dikekalkan atau mesti diganti atau digunakan sampai 50 tahun yang akan datang.

Kita melihat jalan daripada Kuala Lumpur ke Kelang, misalnya, atau ke Subang yang dahulunya kita menggunakan

sistem di mana ada jalan persimpangan digunakan traffic lights supaya kemudahan ini boleh menyenangkan pengguna-pengguna jalan. Tetapi 10 tahun kemudian selepas planning ini dibuat sistem itu tidak berguna lagi, dan sekarang sudah ada cara baru hendak mengatasi sistem itu dengan membuat jambat; jambat itu sedang dibina sekarang ini dan tender telah dikeluarkan dan kontrak telah berjalan. Ini yang membuktikan bahawa planning kita itu bukan Pelan Induk yang boleh kita pegang sampai berpuluh-puluh tahun lamanya, tetapi cuma untuk 5-6 tahun, selepas itu kita kena ubah balik. Dan begitu juga seperti saya sebutkan tadi jalan ke Parlimen ada round-about. Round-about ini sekarang kalau kita tengok pun tidak ada guna, menyusahkan, dan kalau ada jalan lain barangkali orang suka ikut jalan lain Walaupun jauh daripada menunggu round-about, dan terpaksa polis menjaga di sekitarnya, dan dahulu kita tengok polis lelaki jaga, gerun, garang. Sekarang ini polis wanita jaga, lagi lambat di situ lagi seronok nampaknya.

Tuan Yang di-Pertua, sistem ini patut dikaji, apakah ianya patut ditiadakan sama sekali.

Yang keduanya, Ibu Kota kita ini di tengah-tengahnya ada sungai. Dahulu sungai ini tempat orang berniaga, kalau mengikut sejarah Kuala Lumpur, sungai ini tempat orang berdagang-alik membawa perniagaan. sekarang sungai-sungai ini ialah memuntahkan kotoran-kotoran dan kian lama, kian bercangkat. Sungai ini bertambah kecil dan bertambah tohor dan menyebabkan banjir di dalam Bandaraya kita ini boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja sekalipun.

Dalam Rang Undang-undang ini ada menyebutkan:

Penalti kerana menjadikan parit-parit sebagai betung awam tanpa kebenaran.

Fasal 55. (1) berbunyi:

Seseorang yang tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan—menjadikan atau menyebabkan dijadikan apa-apa parit sebagai sesuatu daripada betung-betung akan dikenakan hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, siapa yang hendak kita hukum, kalau sekiranya sungai di Kuala Lumpur ini makin lama, makin cangkat air

tak boleh berjalan, kotoran banyak masuk ke situ. Siapa yang hendak kita hukum, hendak kita hukum Majlis Bandaraya Wilayah Persekutuan atau pun kita hendak dakwa Datuk Bandar, di mahkamah atau kita hendak seret Menteri Kerajaan Tempatan ke Mahkamah yang telah membiarkan atau menyediakan atau dengan sengaja membenarkan membuang segala kotoran ke dalam sungai ini. Siapa yang kita hendak tangkap, dan siapa kita hendak denda. Adakah kita hendak denda Yang Berhormat Menteri, kerana membenarkan orang membuang sampah ataupun kekotoran masuk ke dalam sungai ini. Saya pun tidak faham juga Undang-undang ini di antaranya ada disebut begini di dalam Fasal 55. (3): "Tiada apa-apa cecairkeluar tred boleh dialirkan ke dalam atau dibenar dihentikan dengan mana-mana sungai, alur, anak sungai, kolam, tasik, laut atau dengan mana-mana parit, air permukaan atau parit hujan lebat atau bentung awam tanpa mendapat kebenaran". tak boleh masuk ke situ tetapi yang saya hendak bertanya ini "apa-apa cecairkeluar tred". Agak saya mungkin perkara-perkara kilang agaknya, satu kilang mengeluarkan air yang kotor, mungkin itu maknanya. Tetapi saya minta Menteri ini memberi penjelasan, apa makna "tiada apa-apa cecairkeluar tred." Sebab saya tak tahu. Tetapi saya syak begini sahaja, satu kilang cecairkeluarnya itu masuk ke dalam sungai misalnya, atau parit atau longkang yang boleh menyusahkan dengan tak mendapat kebenaran, yang boleh menyebabkan kekotoran. Kalau itulah maksudnya, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang kilang-kilang yang didirikan di sepanjang jalan, misalnya, dan mengeluarkan cecairkeluar tred. Ini istilah saya entah betul, entah tidak, tidaklah saya faham. Kiranya betul, apa kata Menteri Yang Berhormat, kalau sesuatu kilang cecairkeluar tred yang tidak mendapat kebenaran, menyusahkan dan mendatangkan bau yang busuk kepada orang ramai. Pada mulanya kilang ini telah mendapat kebenaran daripada Kerajaan dahulu sebelum penjajah, bahawa segala macam cecairkeluar tred bolehlah mengikut jalan atau parit yang ada. Tetapi sekarang cecairkeluar tred mereka itu telah menyebabkan memeningkan kepala. Contohnya saya boleh sebutkan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu, Lee Rubber Factory di Gombak mengeluarkan cecairkeluar tred—ini istilah saya, minta maaf

kalau tak betul—tiap-tiap jam, tiap-tiap saat masuk ke dalam parit, dan parit itu masuk ke kampung-kampung serta keluar dekat Setapak dekat Balai Polis. Sebelum mendaki di situ ada Tokong Hindu, keluar di situ dan masuk ke sungai Gombak. Kalau Yang Berhormat Menteri tanya kepada orang yang di sekitar kilang Lee Rubber itu, saya percaya tidak ada seorang pun yang memberikan sokongan dan bersetuju bahawa air atau cecairkeluar tred mereka itu mendatangkan kesihatan yang baik kepada rakyat. Apakah tindakan Kerajaan terhadap kilang-kilang seperti itu yang menyusahkan pernafasan rakyat, dan bukan itu sahaja tetapi dia masuk ke Sungai Gombak. Orang Sungai Gombak itu menggunakan sungai itu untuk mencuci bajunya dahulu, sekarang ini tak sanggup orang untuk hendak mandi atau mencuci, kerana terlalu busuk dan ikan pun tak sudi hidup di dalam sungai itu sekarang. Kalau mengikut undang-undang dan peraturan ini orang itu haruslah dihukum, dan saya hendak mendengar bilakah Kerajaan hendak memanggil tuan punya Lee Rubber supaya dibetulkan saluran-saluran di mana mengeluarkan cecairkeluar tred itu memeritkan perut, hati dan telinga rakyat yang disekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya daripada Rang Undang-undang ini pada faham saya menjadikan Rang Undang-undang ini pedoman bagi setiap Majlis-majlis Tempatan yang hendak dibina pada masa akan datang. Di Wilayah Persekutuan ini seperti yang saya katakan tadi telah banyak masuk ke Wilayah Persekutuan ini kawasan-kawasan yang dahulunya kawasan-kawasan luar wilayah, dan sekarang ini bila wilayah ini dibesarkan banyaklah kawasan-kawasan itu masuk ke dalam Wilayah Persekutuan, dan kawasan-kawasan ini dahulunya dikuasai oleh Majlis-majlis Tempatan.

Kawasan-kawasan ini terbiar seperti kampung-kampung yang 4 batu ke atas, 4 batu ke bawah, ada setenggan-setenggan, ada tempat-tempat yang tidak terkawal. Nyamuk banyak dan sekarang ini kesihatan kita utamakan, nyamuk-nyamuk ini tidak dapat dihapuskan sama sekali oleh kerana planning pada masa yang dahulu itu tidak sempurna dan sekarang mereka masuk ke dalam Wilayah Persekutuan.

Saya hendak dapat tahu apakah tindakan Kerajaan dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, hendak membetulkan kawasan Wilayah Persekutuan yang saya sebutkan tadi. Di dalam kawasan ini kalau kita tengok ada kawasan Malay Reservation dan kawasan Malay Reservation ini jalan tidak ada, sekarang ini ada sebahagiannya letrik ada dan sebahagiannya tidak ada, sebahagiannya ada mendapat nikmat tentang bekalan air dan sebahagiannya belum mendapat nikmat itu. Tetapi sudah dimasukkan ke dalam Wilayah Persekutuan. Oleh kerana ini adalah penting bagi masa depan Wilayah Persekutuan ini, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan supaya membuat Pelan Indok ini betul-betul, jangan sampai hanya sekadar kita hendak pakai dua tiga tahun sahaja lepas itu kita ubah balik, seperti yang saya katakan tadi, buat sementara sahaja, kita hendak ubah balik. Dari satu perubahan ke satu perubahan itu memakan masa dan memakan belanja yang tidak sedikit.

Untuk mendapat pelan ataupun pandangan-pandangan yang boleh mendatangkan faedah kepada rakyat di dalam Wilayah Persekutuan ini khususnya, saya mengesyorkan supaya Kerajaan mengadakan perundingan dengan orang-orang yang berkenaan dengan wakil-wakil orang-orang kampung, misalnya ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu, imam-imam, kalau ada di situ wakil rakyat, kalau ada di situ guru-guru. Boleh diambil pandangan mereka itu bagaimana hendak membetulkan kampung yang kita anggap pada masa yang akan datang itu mustahak tetapi sekarang terbiar dan telah masuk ke dalam Wilayah Persekutuan. Bagaimana cara hendak betulkan? Jalannya bagaimana hendak dibetulkan? Kampung itu bagaimana hendak dibetulkan? Dan kalau cara ini diambil, ertinya kalau Kerajaan berunding dengan pemimpin-pemimpin tempatan bukan dengan mengapplykan undang-undang itu sahaja, mesti buat begini, orang yang tidak buat begini dikenakan hukuman, dikenakan denda, tetapi berunding dengan orang itu, bagaimana hendak membetulkan itu. Kampung awak begini, dia masuk dalam Wilayah Persekutuan, rancangan kami hendak buat begini. Apa fikiran awak. Tanah awak kena, rumah awak kena. Kami ada betulkan ini. Kena berunding. Samada hendak dibayar ganti-rugi atau sebaliknya, kenalah perundingan ini dibuat dengan sebaik-baiknya dengan

orang-orang kampung itu oleh pihak Kerajaan. Kalau tidak nanti, akan ditinggalkan juga kawasan-kawasan yang sekarang ini memang sudah tertinggal.

Pada pandangan saya Rang Undang-undang ini adalah Rang Undang-undang yang baik untuk membetulkan Majlis Kerajaan Tempatan pada masa yang akan datang, khususnya Wilayah Persekutuan ini, maka saya menyokong Rang Undang-undang ini dan mengharapkan supaya dapat dilaksanakan mengikut semestinya supaya setiap yang mendatangkan faedah kepada rakyat itu dapat dinikmati oleh rakyat.

4.44 ptg.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Saya rasa Rang Undang-undang ini adalah penting dan berguna untuk negara kita pada masa sekarang, tetapi saya ada beberapa perkara yang saya suka membawanya di Dewan ini, atas perkara-perkara yang penting dan berguna juga dan saya harap mendapat perhatian oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Oleh kerana bahasa Malaysia saya belum baik lagi, saya mohon izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I feel the success of this Act depends on the effectiveness of the local authorities concerned which implement it.

Wan Sulaiman bin Wan Tam: Tuan Yang di-Pertua, qoram tak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 10 hadir).

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, I regret to note that the local authorities in this country have had a bad history. During the colonial rule, especially during the Emergency of 1948, many of the local authorities were established in a rush with no proper preparations at all. This is especially so with reference to the local councils. I believe and I feel that the failure of most of these local authorities in being effective has been due to their lack of size, lack of funds, lack of proper councillors and lack of State Government supervision. However, for this

Act to be successfully implemented, we hope that the exercise of restructuring local authorities will be quickly brought about.

I stated during the Debate on His Majesty's Speech that although this exercise is about 3 years old many States have not completed this exercise yet. During this transitional period a lot of the local council areas are left without any local authorities to look after them and whatever law or Act we may pass in Parliament, without a proper council to implement it, I am afraid it is of no use at all.

I agree with Tuan Abdullah bin Datuk Haji Abdul Rahman that we must have some form of elected or nominated councils and there must be a system to nominate the councillors. I feel that we must also have a system of training and disciplining of the councillors. Most of our fault in the breakdown of the local authorities has been due to the undisciplined behaviour of a lot of the councillors. I have had the experience of meeting councillors who had not even read the Municipal Ordinance or the Local Council Ordinance, and there are many who do not even understand what a local authority is about and these people have in the past more than 10 years been running the local authorities, especially local councils, and they are still running them today. I am afraid this state of affairs has to be remedied and the sooner we go about doing it the better.

I must stress here the importance of the supervision by the State Governments because local authority is a State matter and it must be impressed on the State Governments that local authorities are very important areas of government. The State Governments must be made to understand this importance. A number of States have a sort of "tidak apa" attitude, they do not have any proper departments to look into the local authority affairs. In Perak, where I come from, I am afraid I have to say that more than 80 local councils are in a state of disarray with nobody to look after them and no one being responsible for them at all. I feel that the size of a number of these local councils is enough to kill them and because the people who stay in their areas are from the poorer class of people, they are not able to fulfil their responsibility of paying the assessment. Whatever we may say, local authorities

without proper funds will not be able to move at all and we hope that in the new development areas, especially areas like the FELDA schemes, the FELCRA schemes particularly the schemes of the "rumah kilat" of 1968 and onwards, would be brought into the areas of local authorities. In the haste of building up these "rumah-rumah kilat" in 1968, if you travel round the country, you will find that a lot of them are built just at the fringe, just outside the local authority areas. They have their own "Rumah Kilat Jawatankuasa" to look after themselves and they do their own "gotong-royong." They do not pay rates and they do not get any services. I am afraid that this would not do because they by themselves would not be able to take care of themselves. I hope the Minister concerned will take notice of the state of affairs of these thousands of "rumah kilat" that have been built up, especially in the rural areas, because they have been left without any proper authorities to look after them.

Then again the FELDA schemes that have been built up, especially the older ones since 1961 and 1962. If you go into these schemes, you will find that the roads, the drains and the public buildings that have been built have now broken down. One of the main problems is that there is no proper local authorities to look after them. It is no use building houses and schemes for the people if they do not have a proper local authority to look after them and without this proper local authority, this Act would not be effective at all. I hope that in the restructuring of the local authority areas, the State Governments concerned will look into the possibility of including into them these new areas.

I stressed just now that it is very important to impress on the various State Governments the importance of local authorities and in this respect I hope that the Ministry of Local Government, through the National Council for Local Governments, would provide the proper supervision of the various local authorities in the different States by the different State Governments. They should improve the Local Government Department, have proper offices, have qualified officers and have enough funds to go round the country to the various States to see that in the different States there are Departments of Local Government being set up to look after the various local authorities

in the various States; otherwise these different local authority areas, if they are left to fend for themselves, will come back to the same situation as has happened for the last 20 over years. I stress here that for the local authorities to be effective to implement this Act, they must have enough funds. Most of these local council areas at the present moment are poor areas where no matter how much assesment the people there pay, the funds collected are not enough to run the local councils properly. I hope that in this restructuring exercise the Ministry concerned and the various State Governments concerned will look into this problem of granting them enough funds to run the various new local authority areas.

Clause 46 deals with the power to remove obstruction. "Obstruction," I gather, are the traders and the hawkers who lay their trades on the five-footways or on the streets. We have had complaints that these hawkers, the poorer class of people in the urban areas, are forever harassed by officials. We know that it is important to clear the streets for traffic to be able to move about properly, but, on the other hand, we must also care for the livelihood of these hawkers. Traditionally, the hawkers ply their trade on sites specially chosen by them in which they can get the best business and a lot of hawkers, even if they are given an alternative site would not go there as it won't do them any good because it would only spoil their business. In the provision of alternative sites for the hawkers, I hope that the officials concerned will look and investigate properly into the various sites so that whatever alternative sites are given to them would be of benefit to their trade; otherwise if you put these traders in an area where nobody is interested in their trade, they are not going to survive there and in fighting the law they may even have to run back to their old places that they were driven off from.

Clause 47 deals with the depositing of dirt. Here under the present set-up, local authorities, especially local councils, have just no power to do anything about people who deposit dirt in all these places. The councillors, in order to maintain their popularity amongst the rakyat, are not willing to do it and, moreover, I do not think they have the power. In this restructuring of the local authorities, I hope that the officials concerned or the Minister

concerned will look into the possibility of giving them the power to implement this law. You do not expect the councillors to do it themselves; so they must be provided with officials, officials equipped with the powers to implement this law, otherwise incidents of

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan sekarang selama 10 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.00 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.10 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.10 ptg.

Dr Lim Keng Yaik: To carry on from where I left off, I would like to bring up two more matters before I wind up my speech. One is the responsibilities of the different local authorities. I feel that their responsibilities must be properly defined and the definition of their responsibilities will depend on the funds available to them and the manpower supplied to them.

I feel that matters like health, education, etc. which previously were in a way the responsibility of the different local authorities should be taken back and made the responsibility of the different Ministries concerned. Other than just collecting rate, which has up to now been the responsibility of the various local authorities, especially the local councils, I feel that in these new, restructured authorities there must be a definition of what are the things that they can do and what are the things they cannot do. In this respect, as I said just now, I have come across councillors who have not even read the different Ordinances. I feel that we should have seminars to train councillors as well as officials who will be put in charge of these different local authorities. It should be made mandatory for the councillors to attend seminars to improve their knowledge of governing the various local authorities and Government officials should be asked to attend more seminars so that they can be aware of the importance of the local authorities and also to know the meaning of local authorities.

Lastly, I would like to touch upon squatters. As we know, in the Federal Capital alone there are 26,000 squatters and there are many more in all the larger towns in the country. This has become a very chronic problem and as such there must be a method to try to settle this problem of squatters. I feel that we must have a deadline where squatter houses are allowed to be put up. I feel that we must initiate housing programmes first to tackle the present squatters and then whilst these programmes are going on, the various State Governments and the various authorities concerned must put a deadline and say, "From here onwards no more squatters; if any more houses come up then the bulldozers will come in and tear them down." I feel we must draw a line somehow in order to tackle this problem which has besieged us for so many years and which is still a very big problem for the various authorities concerned.

All in all, I welcome this piece of legislation and I hope that it will be effectively and fairly implemented.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya merayu kepada Yang Berhormat sila ringkaskan kerana Yang Berhormat Menteri hendak menjawab.

5.20 ptg.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba ringkaskan ucapan ini.

Saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja di dalam perbahasan tentang Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 oleh kerana saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang yang kena pada masanya. Kebanyakan daripada Undang-undang yang dipergunakan oleh Majlis-majlis Tempatan dan Majlis-majlis Bandaran adalah Rang Undang-undang yang telah digubal di masa sebelum kita Merdeka dan sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan di dalam zaman Merdeka ini.

Di dalam menjalankan Rang Undang-undang ini, saya berharap bahawa pihak-pihak yang berkuasa memberi perhatian sedikit tentang rupa bentuk bandar-bandar yang ada di dalam negara kita. Saya berpendapat bahawa bandar-bandar di Malaysia ini kadang-kadang tidak ada characteristic

sama sekali, tidak ada satu rupa bentuk yang istimewa bagi Malaysia bahkan ianya merupakan bandar seperti terdapat di seluruh dunia. Kebanyakan daripada bangunan-bangunan baru yang kita lihat di Kuala Lumpur dan di lain-lain bandar yang besar adalah merupakan seolah-olah kotak yang diperbuat daripada concrete dengan tidak ada daya penarik sebagai satu rupa bentuk architecture yang teristimewa bagi Malaysia. Saya berharap sungguhpun ini tidaklah termasuk di bawah undang-undang ini bahawa Majlis-majlis Bandaran akan cuba menggalakkan supaya bangunan-bangunan yang didirikan di dalam bandar-bandar di Malaysia mengadakan satu rupa yang istimewa yang boleh memberi satu keperibadian dan kebudayaan bangsa kita di Malaysia. Di dalam usaha ini mungkin satu pertandingan antara arkitek-arkitek kita untuk membentukkan bangunan-bangunan yang istimewa ini mungkin akan menjadi satu galakan kalau ini dianjurkan oleh semua Majlis-majlis Bandaran di seluruh negara kita.

Selain daripada itu, saya berpendapat bahawa kadang-kadang undang-undang yang ada ini dijalankan dengan begitu ketat sehingga tidak memberi keuntungan sama sekali kepada rakyat. Umpamanya, satu daripada peraturan-peraturan yang biasa dijalankan ialah rumah-rumah kedai mestilah sekian besar, sekian tinggi dan sebagainya. Di dalam negara kita ini bukan semua pekedai-pekedai terdiri daripada orang yang ada capital ataupun modal yang besar, tetapi ada juga orang-orang yang tidak begitu banyak modal mereka, tetapi mereka ingin membuat perniagaan dan pada permulaannya mereka berkehendak kepada kedai-kedai yang sederhana besarnya. Dalam usaha ini asalkan sahaja semua undang-undang yang melibatkan kesihatan diikuti, saya percaya bahawa pihak Majlis Bandaran patutlah membenarkan kedai-kedai didirikan yang tidak begitu besar ataupun tidak menjadi satu standard size sehingga tidak ada character sama sekali.

Di dalam perkara ini, khasnya peniaga-peniaga yang baru, yang tidak cekap, mereka tidaklah boleh membeli ataupun menyewa kedai-kedai yang begitu besar, jadi kalau kita mengadakan kedai-kedai yang agak kecil sedikit, ini tentulah akan menarik lebih banyak orang-orang berniaga—masuk dalam lapangan perniagaan.

Selain daripada itu, kalau kita mengenakan undang-undang kepada rakyat patutlah juga kita kenakan undang-undang yang sama kepada Kerajaan. Saya masih melihat bahawa Kerajaan tidak menurut undang-undang yang diperbuat oleh Kerajaan sendiri. Umpamanya, kalau bangunan itu lebih daripada empat tingkat biasanya kena kita mengadakan lip dalam bangunan itu, tetapi kalau Kerajaan mendirikan bangunan itu, kalau lima tingkat, dibenarkan lima tingkat dengan tidak ada lip. Kalau kita perhatikan bangunan untuk Pegawai-pegawai Polis umpamanya, bangunan-bangunan ini adalah lima tingkat tingginya tetapi tidak ada lip.

Begitu juga berkenaan dengan perumahan kilat ataupun Rancangan Perumahan Kilat yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam tahun 1968. Kebanyakan daripada rumah-rumah ini tidak memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis-majlis Bandaran walaupun terdapat setengah daripada rumah-rumah ini didirikan di dalam kawasan Majlis Bandaran. Kalaulah kita mengenakan undang-undang patutlah kita kenakan undang-undang ini bukan sahaja kepada rakyat, tetapi juga kepada Kerajaan.

Berkenaan dengan jalan-jalan yang mesti diperbuat oleh developers untuk satu-satu rancangan perumahan, Majlis-majlis Bandaran biasanya mengenakan syarat-syarat yang ketat tentang jalan-jalan ini iaitu mestilah ada batu sekian besar, dan tar sekian banyak dan sebagainya supaya memenuhi syarat first class road. Ini memang satu syarat yang baik kerana kita berkehendak supaya jalan-jalan yang dibina di dalam rancangan perumahan ini sesuai dengan kegunaan diperbuat untuknya. Tetapi nampaknya apabila rakyat mengadakan rancangan perumahan yang mana jalan-jalan ini sungguhpun dibina oleh perancang-perancang ataupun developers sendiri akhirnya dibayar oleh pembeli-pembeli rumah. Tetapi baru-baru ini oleh kerana kita ingin menolong pegawai-pegawai Kerajaan, pihak-pihak Kerajaan telah memberi tanah dengan harga yang murah kepada pegawai-pegawai. Ini tidaklah menjadi satu perkara yang tidak baik, kerana saya sendiri menyokong supaya pegawai-pegawai mendapat tanah yang murah daripada Kerajaan untuk mereka membina rumah untuk kegunaan diri mereka sendiri. Tetapi terdapat di setengah-setengah tempat bukan sahaja tanah ini dibeli dengan harga yang murah,

Kerajaan pula membina jalan-jalan supaya rumah-rumah ini didirikan dengan ada jalan yang telah disediakan. Saya percaya jalan-jalan ini dibina oleh Kerajaan dengan wang Kerajaan sendiri iaitu menjadi satu bantuan pula kepada pegawai Kerajaan. Sebaliknya, pegawai-pegawai inilah juga yang tentu menekankan supaya kalau ada rancangan perumahan, maka orang-orang yang membeli rumah dalam rancangan-rancangan ini mestilah membayar sebahagian daripada pembinaan jalan-jalan ini.

Kalau Kerajaan berpendapat bahawa pegawai-pegawainya kalau mendirikan rumah akan diberi jalan secara percuma oleh Kerajaan, saya percaya bahawa rakyat juga berhak mendapat sokongan seperti ini iaitu kalau ada rancangan-rancangan perumahan untuk dijual kepada orang ramai, maka Kerajaan akan membina rumah supaya adil kepada semua pihak, kerana kepada pegawai-pegawai Kerajaan kita telah beri tanah dengan harga yang murah. Jadi kalau kita hendak pula beri jalan percuma ini tidaklah adil kepada rakyat, kerana harga jalan ini akhirnya akan dibayar oleh rakyat melalui cukai-cukai yang dikenakan kepada mereka.

Yang akhir sekali ialah berkenaan dengan jalan-jalan besar yang menghubungkan di antara satu-satu bandar dengan bandar-bandar yang lain. Sungguhpun jalan-jalan ini tidaklah termasuk di dalam kuasa Rang Undang-undang ini, tetapi jalan-jalanraya ini tentulah melalui di pertengahan bandar-bandar ataupun di tepi bandar-bandar ini. Sekarang ini kita telah menempuh kepada satu zaman yang mana kereta-kereta, digunakan dengan begitu banyak, dan sungguhpun baru-baru ini seorang daripada Ahli Dewan ini juga telah menyebut berkenaan dengan mengadakan jalanraya yang baik daripada Utara ke Selatan, dan telah dapat jawapan bahawa perkara ini belum mustahak lagi, saya berpendapat bahawa sungguhpun belum mustahak sekarang ini di dalam rancangan yang semacam ini biasanya memakan masa yang banyak. Kalau kita merancang, umpamanya, untuk membina satu jalan yang akan melalui semua bandar-bandar daripada utara ke selatan, rancangan ini tidak akan dijalankan sehingga beberapa tahun kemudian dan kalau dijalankan sekalipun, maka usaha membina jalan-jalan ini akan memakan masa yang banyak.

Saya tahu bahawa jalan-jalan sungguhpun sekarang ini dibina dengan menggunakan earth-movers dan lain-lain alat yang begitu mahal, kadang-kadang jalan yang tiga empat batu mengambil masa selama dua tiga tahun baru siap. Kalau kita merancang supaya diadakan satu jalanraya yang baik di seluruh Malaysia ini, rancangan itu patut dibuat sekarang ini juga supaya apabila tiba pada masanya yang kita berkehendakkan kepada jalan ini, maka kita sudah ada rancangan yang tertentu dan dapatlah kita menjalankan dengan seberapa segera yang boleh. Ini akan melibatkan segala bandar-bandar yang ada di Malaysia ini kerana kalau jalan-jalan ini tidak dibentuk dan disalurkan ke tempat-tempat yang sesuai, mungkin jalan-jalan ini akan menimbulkan keadaan sesak di tengah-tengah bandar seperti yang telah jadi, umpamanya, di Kuala Lumpur yang mana jalan yang terbesar sekali melalui tengah-tengah bandar dan ini membawa segala lori-lori yang besar yang tidak patut lalu di Kuala Lumpur ini di tengah-tengah bandar.

Inilah sahaja yang saya ingin sebutkan di sini dan saya berharap perkara yang saya sebutkan ini mendapat perhatian daripada pihak Menteri yang berkenaan, dan dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.33 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan di atas Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan. Seperti beberapa Ahli Yang Berhormat telah memerhatikan, ini ialah suatu Undang-undang Kerajaan Tempatan yang sangat lengkap dan penting. Pesediaan Rang Undang-undang ini memerlukan masa dan usaha dan beberapa pakar daripada sektor persembirian seperti akitek-akitek, juruteraturer dan perancang-perancang telah memberi masa dan perkhidmatan sukarela mereka. Rang Undang-undang ini telah juga diberi publicity yang luas setelah dicetak pada tahun yang lalu, disiarkan dan diedarkan kepada orang-orang awam. Kami telah menerima sebanyak 18 memoranda daripada berbagai-bagai badan professional, awam dan individual. Akibat komen-komen

yang telah dikemukakan oleh mereka, beberapa pindaan telah dibuat dan Rang Undang-undang ini telah dihalusi lagi.

Di sini ingin saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan saya kepada semua orang yang telah memberi pandangan dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang constructive di atas Rang Undang-undang ini.

Sekarang ingin saya menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sungguhpun beberapa perkara tidak ada berkaitan dengan Rang Undang-undang ini jadi saya berharaplah jikalau saya tidak sebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah kecil hati kerana masa sudah singkat jadi tidak perlulah saya menjelaskan dengan panjang lebar perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya telah menyentuh tentang perlunya untuk memperkemaskan lagi jentera pentadbiran Kerajaan Tempatan untuk menentukan supaya Rang Undang-undang ini dilaksanakan dengan licin. Ini juga telah dibincangkan oleh Yang Berhormat Senator Abdullah bin Datuk Haji Abdul Rahman dan juga Yang Berhormat Dr Lim Kheng Yaik yang tadi telah membahaskan tentang Rang Undang-undang ini. Saya bersetuju dengan pendapat mereka iaitu saya sedar tentang keperluan ini dan adalah diharapkan Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan mungkin akan dibentangkan di Parlimen di persidangannya yang akan datang. Rang Undang-undang ini telah dikemukakan untuk dibacakan bagi kali yang pertama pada penggal yang lalu untuk menggantikan Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara). Rang Undang-undang ini bukan sahaja bertujuan hendak membentuk semula Kerajaan Tempatan daripada yunit-yunit yang kecil dan tidak berkesan kepada yunit-yunit yang lebih besar dan "viable" dari segi ekonomi dan kewangan tetapi akan juga membolehkan Kuasa-kuasa Tempatan untuk mengatasi masalah-masalah yang telah disebutkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat.

Langkah-langkah telahpun diambil untuk memperkemaskan lagi bahagian Kerajaan Tempatan di Kementerian saya supaya

kami dapat membantu Kerajaan Negeri bukan sahaja di dalam proses membentuk semula Kerajaan Tempatan, tetapi juga di dalam perkara melatih pegawai-pegawai khusus yang dikehendaki berkhidmat di Kuasa-kuasa Tempatan apabila ianya dibentuk semula.

Suatu Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Perancangan) sedang diderafkan juga dan adalah diharap Rang Undang-undang ini dapat diproseskan dan dikemukakan ke Parlimen dipersidangannya yang akan datang. Rang Undang-undang ini bertujuan hendak memperkemaskinikan Undang-undang Perancangan yang ada sekarang dan akan menggantikan peruntukan-peruntukan untuk menentukan supaya pertimbangan permohonan-permohonan untuk mendapat kebenaran perancangan dipercepatkan lagi seperti yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Apabila kedua-dua Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan, saya harap kelemahan-kelemahan pentadbiran Kerajaan Tempatan dan Perancangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dapat dielakkan.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bin Mohd Yassin bertanya siapakah yang mempunyai kuasa menetapkan nama-nama jalan. Sungguhpun pemaju-pemaju telah menamakan jalan-jalan pada masa yang lalu, Fasal 29(1) menentukan bahawa hanya pihak berkuasa tempatan sahaja mempunyai kuasa untuk menetapkan nama-nama jalan setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa Negeri. Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang Fasal 36(1). Fasal ini hanya memberi kuasa kepada kuasa tempatan untuk mengawal pagar tumbuhan khususnya disudut-sudut oleh sebab ianya boleh menghalang pemandangan lalu-lintas. Berkenaan dengan pokok-pokok, kuasa diberi hanya untuk menghendaki supaya dahan-dahan yang terjuntai atas mana-mana jalan yang akan menghalang lalu-lintas dipangkas. Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya orang ramai digalakkan untuk menanam pokok, adalah diperhatikan.

Berkenaan dengan Fasal 79, adalah jelas bahawa apa pun perubahan kepada sesuatu bangunan termasuk juga mendirikan apa-apa seketan menghendakkan kebenaran terlebih dahulu.

Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya semua kontraktor didaftarkan akan diberi pertimbangan.

Ahli Yang Berhormat juga telah meminta penjelasan tentang tafsiran kepada perkataan pemaju atau developer. Di sini ingin saya menyatakan bahawa pemaju adalah termasuk seseorang yang menyediakan kewangan seperti yang telah diterangkan di dalam tafsiran di bawah Fasal 3.

Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Haji Yaacob merujuk kepada jalan-jalan utama yang luas yang dilihat dilain-lain bandar di Asia dan pandangan-pandangannya adalah diperhatikan. Ahli Yang Berhormat juga menarik perhatian kepada pembangunan perumahan yang tidak memuaskan seperti yang terdapat di Greenwood Park dan Bamboo Garden. Keadaan yang berlaku di kedua-dua kawasan perumahan ini amatlah mendukacitakan dan sepatutnya boleh dielakkan sekiranya ada kawalan Kerajaan Tempatan yang berkesan tetapi malangnya kawalan ini tidak ada baginya. Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan dalam Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Melesen), 1974 berserta dengan Akta Jalanraya, Pamaritan dan Bangunan yang baru itu akan menguatkan lagi kedudukan Pihak-pihak Berkuasa. Bagi kedua-dua rancangan perumahan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sekarang telah termasuk dalam Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar akan diminta menyasat perkara itu.

Perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Shaari bin Jusoh mengenai bayaran pampasan yang cukup bagi tanah yang diambilmilik untuk pembangunan dan oleh Yang Berhormat Senator Yeap Kheng Yam mengenai amalan-amalan curang dengan menaikkan harga rumah oleh pemaju serta juga oleh Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim mengenai kelambatan membuat penukaran surat hak-milik dan memberi kelulusan perancangan itu sedang diambil perhatian dan akan diberi pertimbangan yang teliti. Saya ingat ada juga seorang Ahli Yang Berhormat yang saya tidak ingat namanya ada mengambil perhatian tentang perkara ini juga.

Saya berasa terhutang budi kepada Yang Berhormat Senator Datuk Athi Nahappan kerana perhatiannya terhadap kemajuan yang telah kami perolehi dalam Kerajaan

Tempatan. Saya bersetuju dengan beliau bahawa Kerajaan Tempatan adalah perantaraan yang paling lemah sekali dalam pentadbiran kita di negara ini. Dengan tujuan untuk mengatasi kelemahan ini, maka dalam dua tahun yang lalu, pihak Kerajaan telah membentangkan beberapa undang-undang dalam Parlimen guna merombak dan menguatkan lagi sistem Kerajaan Tempatan kita. Bukan sahaja tindakan dari segi undang-undang telah diambil akan tetapi jentera Kerajaan Tempatan juga telah dikaji dan diperkuatkan. Bahagian Kerajaan Tempatan dalam Kementerian saya telah juga diperbesarkan. Kerajaan-kerajaan Negeri telah juga dinasihatkan menubuhkan Jabatan Kerajaan Tempatan dalam Negeri masing-masing yang diketuai oleh seorang Penolong Setiausaha Negeri. Pihak Kementerian akan mengadakan kursus-kursus dan seminar-seminar bagi pegawai-pegawai Kerajaan Tempatan.

Sebagaimana yang saya telah ucapkan tadi, Bahagian Kerajaan Tempatan dalam Kementerian saya telah diperbesarkan dan adalah dijangka akan dapat memenuhi tujuan-tujuan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa satu Jawatankuasa Penyemakan Semula akan ditubuhkan guna meneliti pelaksanaan dan kemajuan yang telah diperolehi dari Akta ini. Jawatankuasa ini akan mencatatkan sebarang kekurangan dan kelemahan dan membuat pindaan-pindaan yang sesuai kepada Akta ini.

Mengenai perkara-perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Mansor bin Mohamad, di bawah Akta yang baru itu, jalan-jalan dalam kawasan-kawasan perumahan akan dibina mengikut piawai dan ukuran yang ditetapkan dan mengenai keadaan parit yang buruk dalam Bandaraya Kuala Lumpur sehingga menjadi banjir, maka Dewan Bandaraya akan membina rangkaian parit untuk memperbaiki sistem perumahan. Akan tetapi, kemajuan yang paling mustahak sekali dalam hubungan ini ialah cadangan Jabatan Parit dan Taliair hendak membina empangan di kawasan-kawasan yang tertentu bukan sahaja untuk mengurangkan masalah banjir bahkan juga sebagai sumber utama bekalan air paip kita. Mengenai Lembaga Letrik Negara, peruntukan mengadakan tanah yang kosong

untuk menempatkan stesyen kecil, maka pihak-pihak tuan punya dan pemaju-pemaju patutlah mengetahui kehendak ini. Sekiranya kehendak ini tidak ditunaikan, maka sudah sepatutnyalah penduduk-penduduk itu marah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Yang Berhormat Senator Dr Mahathir ada menarik perhatian berkenaan dengan beberapa perkara. Jadi apa yang dikatakannya atau yang dikemukakan olehnya akan diambil perhatian.

Akhirnya sekali Senator Tuan Haji Othman bin Abdullah ada menarik perhatian berkenaan dengan perkataan-perkataan dalam Rang Undang-undang ini seperti misalnya "cecair keluar tred" yang bermakna "trade effluent", contohnya ialah seperti yang dikeluarkan daripada Lee Rubber Factory di Gombak. Saya suka menyatakan di sini perkataan-perkataan seperti ini adalah rumit dalam bahasa Malaysia kita oleh kerana itulah Kerajaan telah bersetuju dengan kebenaran yang telah diminta dari-Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong-supaya Rang Undang-undang ini digunakan dalam bahasa Inggeris yang sah apabila ada apa-apa timbul masalah dalam mahkamah. Sekain sahaja, terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*

Fasal 1 hingga 135 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.55 petang.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDASTRIAN

Kedai-kedai Sorok Barang-barang Makanan

1. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kedai-kedai yang menyorokkan barang-barang makanan yang telah digelegah oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Dukacita saya tidak dapat menjawab soalan ini. Ini ialah disebabkan bahawa kes-kes mereka telah diserahkan ke pihak berkuasa Undang-undang dan kalau dinyatakan nama-nama mereka, ini akan menjejaskan kes-kes mereka di Mahkamah.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Askar-askar—Pemberian Tanah Untuk Bercucuk Tanam

2. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Pertahanan menyatakan memandang kepada kekurangan bekalan makanan pada masa sekarang, samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk memberikan tanah kepada askar-askar kita untuk tujuan tujuan bercucuk-tanam daripada membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk makanan mereka, dan dengan berbuat demikian, perbelanjaan Kerajaan dapat dikurangkan.

Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Abu Samah): Peranan Angkatan Tentera kita adalah untuk mempertahankan negara serta juga membantu pihak Berkuasa Awam menghapus ancaman pengganas-pengganas komunis. Oleh hal yang demikian tidaklah dapat kita menggunakan Angkatan Tentera kita untuk bercucuk tanam, walaupun secara sambilan, jika mereka dikehendaki memberi perhatian sepenuhnya kepada tanggungjawab yang diserahkan kepada mereka. Secara perseorangan dan sukarela ada anggota-anggota Angkatan Tentera kita yang menyertai sama dalam kempen kerajaan untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan yang lebih.

The role of our Armed Forces is to defend the nation and also to provide aid to the civil power in combating communist in-

surgency. Therefore it will not be possible for the Armed Forces to be used for food cultivation, even on a part time basis, if they are expected to concentrate fully on the task entrusted to them. Individual members of the Armed Forces do participate in the grow more food campaign of the Government on a voluntary basis.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

Majlis Tempatan Jinjang

3. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ini ke atas Majlis Tempatan Jinjang dalam Wilayah Persekutuan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Dalam masa peralihan ini pentadbiran Majlis Tempatan Jinjang berjalan seperti biasa sebagaimana sebelum penubuhan Wilayah Persekutuan, cuma perkara-perkara yang dahulu dirujuk kepada pihak Kerajaan negeri Selangor sekarang ini dikemukakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, seumpama kelulusan perancangan dan belanjawan.

Dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menjadi pihak Berkuasa Tempatan bagi Wilayah tersebut dan akan mengambilalih tugas-tugas yang dahulunya dijalankan oleh Majlis Tempatan Jinjang.

KEMENTERIAN PELAJARAN

Gaji Guru-guru—Tuntutan

4. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar masih terdapat lebih kurang 1,000 orang guru kelayakan dari Kelas Latihan Guru-guru Sekolah Cina yang mendapat kerugian atas ketidakseimbangan gaji-gaji mereka selama 20 tahun; dan samada beliau akan menaikkan gred mereka dari Gred B ke Gred A sekim baru 1952 dan dengan demikian memperbaiki kedudukan mereka sekarang.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Saya sedar tentang adanya rayuan guru-guru dalam golongan ini kerana mereka telahpun datang berjumpa saya.

Dalam perjumpaan itu saya telah menasihatkan mereka supaya menyalurkan tuntutan kepada Majlis Bersama Kebangsaan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menguruskan di antara lain tuntutan-tuntutan berkaitan dengan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan daripada katitangan dalam Perkhidmatan Awam termasuk Perkhidmatan Pelajaran.

Saya harap mereka akan berbuat demikian.

Pencen dan Pariti Guru-guru

5. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan guru-guru yang masih belum berhak mendapat pencen dan pariti di setiap Negeri di Malaysia dan sebab-sebab kelambatan melaksanakan sekim pencen bagi guru-guru sejak tahun 1971;
- (b) bilakah guru-guru sementara perempuan yang sudah berkahwin akan berhak mendapat pencen; dan
- (c) samada terdapat kes-kes di mana guru-guru yang sudah bersara bertahun-tahun lamanya masih belum lagi menerima pencen mereka.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:

- (a) Perkhidmatan Pelajaran Kerajaan adalah perkhidmatan berpencen (pensionable service). Oleh yang demikian semua pegawai-pegawai dalam perkhidmatan tersebut, yang telah ditetapkan dalam jawatan dan ditempatkan dalam jawatan berpencen (emplaced on permanent and pensionable establishment) adalah layak mendapat pencen jika sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang terkandung dalam ordinar pencen dalam tahun 1951 dan peraturan-peraturan yang dibuat dalam ordinar tersebut, apabila mereka bersara kelak.
- (b) Guru-guru sementara perempuan dalam Perkhidmatan Pelajaran Kerajaan, yang menjadi sementara semata-mata kerana perkahwinan telahpun diberi peluang memilih samada hendak dipertimbangkan untuk menjadi pegawai tetap dan berpencen atau tinggal tetap sebagai guru-guru sementara.

Bagi mereka yang telah memilih untuk menjadi pegawai tetap dan ber-

pencen, pemilihan mereka ini sedang diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Mereka yang diambil secara tetap kelak akan layak mendapat pencen mengikut peraturan-peraturan yang saya sebutkan tadi.

- (c) Jika adapun kelewatan berlaku, kelewatan itu tidaklah sampai bertahun-tahun dan Kementerian saya tahu tentang keutamaan pencen ini kepada orang-orang yang bersara dan sentiasa memberikan perkara ini keutamaan.

Guru-guru—Kemudahan Perubatan

6. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak memberikan kemudahan-kemudahan perubatan yang sama kepada guru-guru di bawah Lembaga Pusat seperti yang diberikan kepada mereka yang di bawah Perkhidmatan Pelajaran yang baru tahun 1971.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tidak.

Biasiswa untuk Penuntut-penuntut—Peruntukan

7. Tuan Haji Said bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan Biasiswa-biasiswa Kecil Persekutuan yang diperuntukkan bagi murid-murid dan penuntut-penuntut tiap-tiap tahun;
- (b) bilangan murid-murid dan penuntut-penuntut yang telah dihadaiahkan dengan biasiswa-biasiswa ini tiap-tiap tahun;
- (c) asas-asas yang menentukan pemberian biasiswa-biasiswa ini kepada murid-murid dan penuntut-penuntut dan samada kecerdasan penuntut-penuntut dan kemiskinan ibubapa/penjaga menjadi sebahagian daripada ukuran;
- (d) samada biasiswa-biasiswa ini dihadaiahkan kepada murid-murid dan penuntut-penuntut yang mana ibubapa atau penjaga mereka mampu membiayai persekolahan mereka, jika ya, nyatakan bilangan penerima-penerima yang ibubapa atau penjaga mereka berpendapatan lebih daripada \$1,000 sebulan;
- (e) mengapakah permohonan-permohonan bagi biasiswa-biasiswa ini daripada setengah-setengah penuntut-penuntut

sekolah-sekolah menengah berasrama penuh seperti Kolej Tengku Khursiah, Maktab Melayu dan Sekolah-sekolah Menengah Sains tidak diluluskan, sungguhpun mereka memiliki keputusan peperiksaan yang baik apabila mereka melayakkan diri untuk memasuki sekolah-sekolah ini:

- (f) samada biasiswa-biasiswa ini dihadiahkan kepada murid-murid dan penuntut-penuntut yang ibubapa atau penjaga-penjaga mereka yang berkedudukan istimewa bertentangan dengan syarat-syarat pemberian; dan
- (g) samada biasiswa-biasiswa ini diberikan dengan adil dan benar-benar mematuhi syarat-syarat pemberian.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:

(a) Sebenarnya pada tiap-tiap tahun wang peruntukan yang dihadkan untuk Biasiswa ini akan menetapkan bilangan Biasiswa iaitu selepas menolakan commitment. Pada tahun 1973, 14,925 murid telah diberi Biasiswa di atas wang peruntukan \$3,128,790. Harga Biasiswa ialah dari \$15 s.b. hingga \$30 s.b.

(b) 1971	9,872
1972	10,364
1973	14,925

(c) Asas-asas yang menentukan pemberian Biasiswa Kecil Persekutuan:

- (a) Pendapatan penjaga
 - (b) Tanggungan penjaga
 - (c) Kebolehan dalam pelajaran (keputusan peperiksaan)
 - (d) Sokongan Guru Besar
 - (e) Sokongan dari Jemaah Pemilih Negeri
- (d) Biasiswa Kecil Persekutuan ini tidak dihadiahkan kepada penuntut-penuntut yang mana ibubapa atau penjaga mereka mampu membiayai persekolahan mereka walaupun penuntut-penuntut ini telah mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan Penilaian Darjah V atau Peperiksaan LCE/SRP dan telah dipilih masuk ke Sekolah-sekolah Berasrama Penuh ataupun

Sekolah Menengah Sains. Semua pemberian adalah mengikuti butir-butir yang dinyatakan dalam borang-borang permohonan yang dikemukakan oleh penuntut-penuntut. Oleh yang demikian perkara ibubapa atau penuntut-penuntut yang penjaga mereka berpendapatan lebih daripada \$1,000 sebulan adalah tidak timbul.

- (e) Permohonan-permohonan Biasiswa dan setengah-setengah penuntut Sekolah-sekolah Berasrama Penuh seperti Kolej Tengku Khursiah, Maktab Melayu dan Sekolah-sekolah Menengah Sains tidak diluluskan walaupun mereka mendapat keputusan peperiksaan yang baik apabila mereka melayakkan diri untuk memasuki sekolah-sekolah ini ialah disebabkan oleh keadaan ibubapa atau penjaga yang mampu dan berpendapatan lebih dari \$1,000 sebulan.
- (f) Biasiswa-biasiswa tidak dihadiahkan kepada murid-murid dan penuntut-penuntut yang ibubapa mereka berkedudukan istimewa.
- (g) Semua Biasiswa diberikan dengan adil dan benar-benar mematuhi syarat-syarat pemberian.

KEMENTERIAN TEKNOLOJI, PENYELIDIKAN DAN PENYELARASAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU

Kampung-kampung Baru Dapat Geran Tanah

8. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru menyatakan berapakah bilangan kampung-kampung baru yang telah mendapat geran tanah dan nama kampung-kampung tersebut.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru (Datuk Lee San Choon): Mengikut laporan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan 50,877 lot tapak bangunan dalam 446 buah kampung baru telah diberi Surat Milik sehingga 28hb Februari 1974.

Saya tidak dapat memberi nama kampung-kampung yang berkenaan kerana tiada laporan dari Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.